

PEMBIMBING REMAJA CEMERLANG

# CAHAYA

Cahaya OKTOBER 2004 • 2004/1425 • ISSN 0126-2289 • JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

**THUMB  
DRIVE**



*Saiznya menyamai  
695 keping disket!*

**Manfaatkan Usia Muda**

*Mereka adalah generasi pembela agama.*

**Makanan Dan Berat Badan**

*Tenaga yang tidak digunakan  
terkumpul sebagai lemak...*

**Kepentingan Menuntut Ilmu**

*la merupakan pemimpin kepada amalan*

**10**

Teknik Penambahan  
Daya Ingatan

# Kandungan

C A H A Y A O K T O B E R 2 0 0 4



**01** Salam Editor  
**SESUCI RAMADHAN**

**03** Adab  
**ADAB MEMBACA AL-QURAN  
PERLU BERTAJWID**

**04** Fokus  
**KEPENTINGAN MENUNTUT ILMU**

**07** Keluarga  
**ZIKRULLAH TIDAK BERAT**

**09** Tokoh  
**DR. AHMAD H. ZEWAİL**

**11** Rencana  
**ANCAMAN PENCEMARAN  
MAKANAN HALAL - BHG 2**

**12** Sirah Rasul  
**PERJANJIAN HUDAIBIYAH-  
BUKTI KEBIJAKSANAAN  
SEORANG RASUL**

**15** Fardhu Ain  
**PERPEKTIF HIDUP MANUSIA  
MENURUT AL-QURAN**

**17** Kerjaya  
**PENGANGGURAN DAN  
PEMBAZIRAN TENAGA REMAJA**

**18** Sekilas Bicara  
**MANFAATKAN USIA MUDA**

**20** Dari Remaja Untuk Remaja  
**PENGARUH SOSIAL DAN  
ALAM SEKITAR REMAJA**

**22** Pedoman  
**MEMPERKASA AGENDA  
PEMBINAAN INSAN TERHADAP  
REMAJA MASA KINI**

**24** Cerpen  
**SETULUS HATI  
SEMERBAK BUDI**

**27** Kartun

**28** Kesihatan  
**MAKANAN DAN BERAT BADAN**

**30** Mahir Berfikir  
**MENGENALI IDENTITI REMAJA**

**32** Cahaya ICT  
**THUM DRIVE  
(Pemacu USB Flash)**

**34** Motivasi  
**KEPENTINGAN MUHASABAH  
DIRI**

**36** Fikir Sejenak  
**UJIAN ALLAH SWT DATANG  
DALAM PELBAGAI BENTUK**

**38** Sekilas Bicara 2  
**"ABANGKU DAH  
NAK KAHWIN"**

**40** Teka Silangkata



# SESUCI

## Ramadhan

Selamat Datang! Ramadhan al-mubarak, bulan berkat, bulan rahmat, bulan keampunan. Kita harus bersyukur kepada Allah kerana masih berpeluang untuk menyambut dan menghayati Ramadhan kali ini.

Jiwa orang-orang soleh akan sangat-sangat bergembira dengan kedatangannya dan amat sedih dengan perginya Ramadhan.

Isilah Ramadhan dengan beribadat seperti tadarus al-Quran, tarawih, bertahajud serta bermunajat kepada Allah pada sepanjang Ramadhan ini. Kejarlah lailatul Qadar pada akhir-akhir Ramadhan kerana ganjarannya tidak ternilai hebatnya berbanding bulan-bulan lain.

Hiasilah diri dengan akhlak yang mulia. Bagi remaja inilah masa yang paling sesuai digunakan untuk mengulangkaji pelajaran dengan tenang kerana banyak masa yang terluang berbanding bulan lain yang banyak kita habiskan dengan aktiviti makan.

Selain merehatkan penghadaman dan mencergaskan minda puasa juga akan mengajar kita berjimat cermat.

Bersederhanalah dalam berbelanja untuk berbuka puasa, jangan penuh dengan juadah tapi akhirnya terhumban kebakul sampah jua, jangan biarkan nafsu menguasai diri hingga hilang nilai puasa.

Sambutlah Hari Raya dengan penuh kegembiraan, kesyukuran dan ketakwaan. Banyakkan bertakbir dan bertahmid. Ziarahilah sanak saudara dan bermaaf-maafan. Inilah masanya untuk mengeratkan lagi silaturrahim sesama muslim.

Akhirnya sidang redaksi Cahaya mengucapkan **Selamat Berpuasa** dan **Selamat Hari Raya Aidil Fitri Maaf Zahir Dan Batin**.

*Editor*

### SIDANG REDAKSI

**Penaung** Dato' Mustafa bin Abdul Rahman (Ketua Pengarah JAKIM) **Penasihat** Hj. Salleh b. Hj. Yusuf (Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan JAKIM) **Ketua Pengarang** Puan Ramlah Yong **Pengarang** Haslinda Lukman **Sidang Pengarang** Zuraini Yahaya, Marzulina Omar, Mursilalaili Mustapa Sa'di, Wan Esma, Mazidah Aripin **Pembantu Pengarang** Rosiniah bt Muhd Nor **Rekabentuk Grafik/Filem** Galeri Ilmu Sdn. Bhd. **Pengedar** Unit Edaran Terbitan Percuma JAKIM, Bahagian Penerbitan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Aras 1, Blok D9, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Majalah CAHAYA diterbitkan mulai Ogos 1989/ Muharram 1410 oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). CAHAYA dikhususkan untuk remaja mulai tahun 1996. Hak Cipta terpelihara. Sidang pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirim selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat keizinan daripada Ketua Pengarah JAKIM. Segala sumbangan yang dikirim sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang pengarang juga tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirim melalui pos.

*Segala surat-menyurat dan pengiriman karya hendaklah dialamatkan kepada:*

**Pengarang Majalah CAHAYA** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Aras 4, Blok D9, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.  
Tel: 03-88864000 Faks: 03-88892046 Internet: <http://www.islam.gov.my> E-Mail: [cahaya@islam.gov.my](mailto:cahaya@islam.gov.my)

cahaya@islam.gov.my

DAPATKAN  
LANGGANAN

SESIAPA YANG INGIN MELANGGAN  
MAJALAH CAHAYA SILA HANTARKAN

Sampul surat beralamat sendiri

Ukuran sampul surat ialah 32cm x 23cm

Lekatkan setem RM1.00 bagi  
setiap sampul

Tuliskan Cahaya di bahagian atas  
sebelah kiri  
sampul berkenaan

Satu sampul surat hanya untuk satu  
keluaran sahaja

Cahaya Bulan ..../2004

Setem  
RM1.00

Kepada:

**Nazarul Hafizruddin Shafie**  
292 Felda Jengka 6  
26410 Bandar Jengka  
Pahang

23 cm

Sila hantarkan sampul surat anda kepada:  
Majalah Cahaya, Bahagian Penerbitan JAKIM, Aras 4, Blok D9,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62519 PUTRAJAYA.

**A**l-Quran merupakan wahyu daripada Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. sebagai salah tanda kemukjizatan nabi terakhir. Wahyu memberi maksud bahawa Al-Quran bukanlah kalam atau perkataan manusia atau ciptaan manusia, ia adalah sesuatu yang terus dari Allah mengikut kudrat dan iradatNya.

Setiap muslim dikehendaki wajib mengenal serta boleh membaca ayat al-Quran kerana al-Quran ini merupakan sumber ilmu utama dan panduan yang ulung

untuk kehidupan. Sekiranya mereka tidak boleh membaca maka dituntut untuk mempelajarinya.

Mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti membaca al-Quran adalah satu perbuatan yang mulia dan mendapat ganjaran di sisi Allah. Seperkara yang harus diambil berat dalam pembacaan al-Quran ialah membacanya dengan bertajwid Firman Allah di dalam surah al-Muzammil ayat 4 bermaksud: "Dan bacalah al-Quran dengan cara tartil (bertajwid). Di dalam tafsir ibn Kathir menurut Aisyah iaitu membaca al Quran dengan memanjangkan bacaan bagi yang perlu kepada bacaan panjang.

Ruang lingkup tajwid ialah merangkumi cara sebutan huruf (makhraj), waqaf (tempat berhenti bacaan), membaca secara dengung atau nyata (ghunnah atau izhar) dan selainnya. Ia bagi memastikan bahawa makna perkataan yang dibaca menepati apa yang dikehendaki oleh ayat al-Quran.

Peranan makhraj dalam menyebut satu-satu huruf di dalam al-Quran adalah penting. Kesilapan dalam menyebut satu-satu makhraj dengan betul boleh mengubah makna kalimah di dalam ayat al-Quran. Contohnya kalimah (مُنْتَهَى) bermakna pertolongan, dibaca (مُنْتَهَى) bermakna burung areng. Sekiranya ini tidak diambil perhatian, maka harapan mendapatkan keredhaan dari Allah akan menerima ganjaran sebaliknya.

Kaedah mempelajari tajwid perlulah secara berguru. Ini kerana setiap dalam bacaan akan ditegur oleh guru tersebut. Adalah tidak memadai hanya melalui kaset ataupun VCD. Walaupun zaman ini penuh dengan kecanggihan, tradisi berguru dalam mengamalkan ilmu wahyu masih terikat dengan cara lama. Oleh sebab itu, Rasulullah sering ditadur oleh Malaikat Jibril iaitu sebagai guru bagi memperdengarkan bacaannya pada bulan Ramadan.

Sebagai hamba Allah yang ingin mendapatkan rahmat dari Allah, sudah pasti kita perlu memperbanyakkan zikir dan melakukan amalan sunat termasuklah aktiviti membaca al-Quran. Genarasi pada masa kini perlu dibekalkan ilmu al-Quran, agar generasi akan datang tidak buta dengan al-Quran. Wajarlah pihak kerajaan menganjurkan majlis Tilawah di Negara kita, ia bertujuan mengingatkan dan menggalakkan masyarakat tentang aktiviti membaca al-Quran.

# Adab Membaca Al-Quran Perlu Bertajwid



# Keentingan Menuntut ILMU



Oleh : Zarinah Osman

**M**enuntut ilmu baik yang melibatkan ilmu agama mahupun ilmu duniawi, adalah sesuatu yang sangat dituntut oleh Islam. Ayat yang pertama diturunkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. ialah 'Iqra' bererti 'bacalah' merupakan pembuka tirai ilmu pengetahuan dan penghapus kepada kejahilan.

Jika umat Islam sekarang menghayati dengan betul maksud ayat ini, sudah pasti mereka akan menjadi satu umat yang terkedepan dalam semua bidang berbanding bangsa lain. Tetapi kegagalan mereka memahami maksud ayat ini dan kalau memahaminya,

mereka membataskannya kepada pembacaan Al-Quran pada malam dan majlis tertentu sahaja, membuatkan mereka ketinggalan di belakang bangsa-bangsa lain.

Ilmu tidak akan datang menggolek kepada seseorang, sebaliknya memerlukan usaha dan penat lelah untuk mendapatkannya. Memang itulah adab untuk mendapat ilmu. Ia perlu dituntut, bukan ia yang mencari orang untuk mencurahkan apa yang ada padanya. Ilmu tidak datang kepada seseorang sekadar angan-angan dan cita-cita kosong, tanpa ada usaha yang dilakukan untuk memperolehnya.

Tidak ada seorang pun dilahirkan terus menjadi ahli ilmu, sebaliknya ia

menjadi ahli ilmu setelah menempuh proses pembelajaran yang sukar, memakan masa belasan tahun dan terpaksa pula berpindah dari satu institusi ilmu ke satu institusi yang lain. Proses menuntut ilmu berterusan dari dalam buaian sehinggalah ke liang lahad.

Ilmu dan iman dalam Islam berjalan seiring bahu membahu antara satu sama lain. Kadangkala Al-Quran meletakkan iman melebihi ilmu sebahagian yang dapat kita lihat dalam firman Allah s.w. t yang bermaksud: *"Allah s.w.t mengangkat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang berilmu beberapa darjat"*.

(Al-Mujadalah:11)

Bagaimana kadangkala Al-Quran menjelaskan bahawa iman tidak wujud tanpa ilmu. Al-Quran juga menjelaskan, orang-orang yang dikurniakan dengan ilmu sahaja mengetahui nilai Al-Quran dan beriman dengannya.

Perkara ini disebutkan di dalam firman Allah s.w. t yang bermaksud: *“Al-Quran tetap datangnya dari Allah dengan tidak syak lagi bahkan ia ayat-ayat keterangan yang jelas nyata yang terpelihara di dalam dada-dada yang berilmu...”*

(Al-Ankabut :49 )

Di antara kelebihan ilmu ialah ia merupakan penghulu dan pemimpin kepada amalan. Amalan adalah pengikut kepada ilmu. Setiap amalan yang tidak berasaskan kepada ilmu tidak akan berfaedah kepada yang melakukannya, malah mendatangkan kecelakan kepadanya. Amalan yang bertetapan dengan ilmu adalah amalan yang diterima, manakala amalan yang bercanggah dengan ilmu adalah amalan yang tertolak. Ilmu adalah neraca penimbang.

Sebaik-baik amalan ialah amalan yang dilakukan dengan ikhlas dan tepat. Ia dilakukan ikhlas kerana Allah dan menepati sunnah Rasulullah s.a.w. Ini bermakna sesuatu amalan yang dilakukan dengan ikhlas tetapi tidak menepati sunnah Rasulullah s.a.w. adalah tertolak, sebagaimana amalan yang dilakukan menepati sunnah Rasulullah s.a.w. tanpa keikhlasan, juga ditolak.

Tanpa ilmu, seseorang itu mungkin menganggap sesuatu yang batil itu sabagai benar. Boleh jadi melakukan perkara bid'ah, tetapi disangkanya sunnah. Boleh jadi dia terlibat dalam urusan yang haram, tetapi disangkanya perkara itu adalah halal. Ilmu bukanlah sesuatu yang dituntut untuk tujuan mengenal pasti hukum-hukum yang zahir dalam fiqah semata-mata, sebagaimana yang seiring difahami

oleh orang ramai, malah ia juga perlu dituntut untuk menempuh jalan menuju kepada Allah.

Menuntut ilmu untuk tujuan ini kadang-kadang lebih kuat dituntut kerana kehidupan manusia, begitu banyak diresapi oleh unsur-unsur kesamaran yang amat sukar dibezakan kecuali orang-orang yang diberi taufik oleh Allah s.a.w.



Ilmu pengetahuan merupakan asas segala sesuatu. Seandainya kita memandang di sekeliling kita, nescaya kita dapati bahawa segala sesuatu adalah berlandaskan ilmu pengetahuan. Tiada usaha yang berjaya tanpa ilmu pengetahuan.

Kita tentulah tidak akan dapat merangkul seluruh ilmu pengetahuan, kerana ilmu pengetahuan itu luasnya seperti lautan. Dekatilah lautan ilmu pengetahuan itu dan janganlah merasa gentar. Ia adalah pintu pengajian, penelitian dan ijtihad yang tidak terbatas.

Kita jangan lupa bahawa ilmu pengetahuan itu adalah undang-undang Allah, Dialah yang mencipta dan mengadakannya. Dengan usaha-usaha ijtihad, kita memohon kepada Allah agar ia membukakan lagi rahsia-rahsia ilmu pengetahuan itu satu demi satu.

Ilmu pengetahuan yang dicapai oleh manusia berkat usaha-usaha para penyelidik hanya merupakan sebiji zarah dari lautan yang masih tersembunyi dari kita. Ini akan mendorong kita supaya tidak hanya terhenti setakat itu sahaja, malah akan terus lagi maju ke hadapan.

Ilmu pengetahuan itu seharusnya memenuhkan jiwa kita

dengan keimanan, kerana ilmulah yang membuka kepada kita pintu-pintu untuk melihat keagungan kekuasaan Allah.

Adalah menjadi tugas seseorang hamba supaya sentiasa mengerjakan ibadat dan mencari ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan itu laksana pokok, sedangkan ibadat merupakan buah-buahnya. Setiap orang harus mempunyai kedua-duanya sekali, iaitu ilmu dan ibadat.

Ilmu dan ibadat itu merupakan dua keperluan asasi yang berganding rapat di antara satu sama lain, tetapi kita harus mengutamakan ilmu dahulu kerana ia merupakan asas pokok.

Ada dua faktor yang menyebabkan ilmu itu diutamakan lebih dahulu daripada ibadat:

**Pertama**, dengan berpedomankan ilmu pengetahuan, amal ibadat dapat dilaksanakan dengan betul, dan selagi ibadat itu untuk Allah, maka kita harus lebih dahulu mengenal Allah sebelum kita beribadat kepadaNya. Pengetahuan yang sedemikian tentulah tidak dapat dicapai tanpa ilmu pengetahuan.

**Kedua**, sesudah kita mengenal sifat-sifat Allah yang kita sembah dan segala sifat-sifatNya yang wajib itu, maka kita harus pula mengetahui hak-hak yang wajib di atas kita terhadap Allah, segala kewajipan yang harus kita laksanakanNya, segala perintah yang harus kita junjungi dan segala larangan yang harus kita jauhi.

Dalam sejarah Islam, para imam mujtahid digambarkan sebagai insan yang cintakan ilmu pengetahuan. Sanggup berhijrah dari satu tempat ke satu tempat yang lain demi mencari ilmu.

Apabila berjumpa dengan guru yang bijak baik dalam bidang fiqah, atau usuluddin atau tasawuf, mereka akan menetap di situ demi mempelajari ilmu. Walaupun jangka

waktu yang diambil begitu lama, mereka tetap menetap di situ.

Contohnya Imam Syafi'i. Pada masa kecil, beliau telah menghafaz Al-Quran dan apabila remaja dan dewasa, beliau telah menuntut ilmu tidak kurang kepada 19 orang guru. Lima orang gurunya di Makkah, enam orang di Madinah, empat orang di Yaman dan empat orang di Iraq.

Kalau diibaratkan cahaya, "ilmu adalah cahaya" yang dapat menerangi kegelapan. Dalam hidup kita di alam maya ini, kita sudah tentu merasa sukar untuk hidup tanpa cahaya.

Bagaimana jika alam ini sentiasa kelam dan gelap. Keadilan Ilahi menjadikan malam dan siang tentu ada faedahnya yang besar untuk kehidupan manusia.

Begitu juga ilmu yang diibaratkan sebagai cahaya. Sudah tentu menolak kejahilan manusia, ketidaktahuan yang mengakibatkan manusia meraba-raba mencari kebenaran, tidak mengenal yang baik dan buruk (makruf dan mungkar) sudah tentu tidak adil seandainya Allah menyediakan azab kepada penderhaka tanpa menyediakan jalan dan petunjuk. Antara salah satu jalan petunjuk ialah mengisi dada dengan ilmu yang hak, yang boleh menyampaikan hambaNya kepada keredhaan Allah.

Sungguh adil Allah yang memiliki kerajaan seluruh alam ini, membimbing manusia ke jalan hidayat dengan membuka pintu ilmu dan beramal menurut tuntutan yang sah.

Ilmu dapat menyuluh keimanan seseorang hamba pada jalan yang benar dan diredhai Allah. Nyata beriman tanpa berilmu, akan sia-sia, begitulah sebaliknya, keimanan akan kosong dan rapuh, dan tiada nilai di sisi Allah. Oleh itu carilah ilmu sebanyak mungkin semasa berada di pentas dunia ini.

Luasnya ilmu Islam tidak terbatas, ibarat luasnya lautan. Cedoklah air itu mengikut kemampuan diri. Ilmu yang meliputi fardhu ain dan kifayah. Ilmu yang berhubung akhirat dan duniawi, sewajarnya dituntut. Tidak ada pemisah dan sekatan selagi nyawa dikandung badan atau nadi masih berdenyut.

Kesungguhan dan keazaman yang kukuh sememangnya menjadi pertarungan yang terbaik dalam menempuh ranjau kehidupan di alam maya. Tanpa kedua-dua itu, hamba itu mudah leka dan tenggelam dalam kehidupan yang penuh cabaran. Sememangnya kehidupan ini ibarat laut yang dalam. Bagi insan yang tidak berwaspada akan mudah tenggelam dan lemas dalam arus yang tidak menentu.

Ilmu yang baik tidak akan dapat diperolehi tanpa berguru. Jadi, guru adalah wasilah untuk mendapatkan ilmu, sewajarnya dihormati dengan adab-adab yang baik. Kesannya bukan hanya sebentar tetapi berkekalan. Ilmu yang dihormati dari pohonya (guru) akan terus diberkati dan diredhai Allah

Dalam sejarah Islam, Ibnu Sina merupakan seorang yang tidak puas tentang ilmu pengetahuan. Segala bidang ilmu dipelajarinya. Baik ilmu fiqah, ilmu usuluddin, tasawuf, matematik, politik, ilmu mantik malah ilmu kedokteran dipelajarinya.

Memandangkan kepentingan menuntut ilmu, para pelajar harus menyedari bahawa tanpa ilmu kita akan menjadi insan yang tidak berpedoman di dalam mengharungi arus kehidupan ini. Manusia yang dianugerahi akal oleh Allah perlu mengharunginya demi membezakan darjat manusia itu sendiri daripada makhluk Allah yang lain. ☺



# ZIKRULLAH Tidak Berat

Oleh: Nasrul Hakim

**S**ekalipun peringkat remaja merupakan zaman yang penuh dengan pelbagai aktiviti, mungkin kita tidak sedari sebenarnya seharian kepada Allah. Bangun dari tidur, waktu memulakan aktiviti awal pagi, malah waktu di dalam bilik air sekali pun, kita boleh berzikir mengikut cara yang sesuai.

Zikrullah membawa maksud ingat kepada Allah. Zikrullah ini dapat dilakukan dengan pelbagai cara sama ada melalui lisan atau kata-kata, dengan menggunakan hati ataupun dengan perbuatan. Tujuannya hanya satu iaitu menghubungkan diri dengan Allah dalam apa yang kita lakukan. Zikrullah boleh berperanan menjernih permasalahan dalam berhadapan dengan ujian hidup di samping sebagai sumbangan ibadah yang mengandungi pahala. Di dalam al-Quran, Allah berfirman yang maksudnya:

*"Ketahuilah, dengan mengingati Allah itu memberi ketenangan pada hati."*

(Ar-Rad: 28)

Dengan ketenangan hati, sesuatu perkara serta urusan dapat dilaksanakan oleh remaja dengan lebih baik dan terlebih lagi dengan diiringi restu Allah s.w.t. Allah juga berfirman yang maksudnya:

*"Tidak Aku ciptakan jin dan manusia kecuali supaya mereka mengabdikan diri kepada-Ku."*

(Az-Zariat: 56)

Mengingati Allah dan mengabdikan diri kepada-Nya adalah dua perkara yang berkait rapat. Kita mengabdikan diri kepada Allah dalam keadaan ingat kepada-Nya. Tanpa ingat kepada-Nya atau tanpa zikrullah, pengabdian kita tidak akan dinilai oleh Allah kerana dikira lalai dari mengingati-Nya.

Oleh itu amalan zikrullah ini sebaiknya terjadual bersesuaian dengan aktiviti harian agar waktu yang terluang tidak mengalir begitu saja sejak daripada seawal Subuh sehinggalah kembali hendak memejamkan mata.

Contohnya di tempat-tempat terlarang melakukan ibadat seperti tandas, zikrullah boleh dilakukan dengan hati - memohon perlindungan Allah daripada gangguan-gangguan nafsu dan syaitan.

Di dalam keluarga, setiap perbuatan yang selari dan dikerjakan atas dasar patuh kepada perintah-Nya dan ingat kepada-Nya merupakan zikrullah iaitu, zikir dalam bentuk perbuatan. Zikir tanpa suara. Oleh itu ia pasti membawa kesan yang baik pada suasana pergaulan seisi rumah andainya dibuat dengan ikhlas dan mengharapkan keredhaan Allah. Selain mendapat ganjaran dan penilaian istimewa dari Allah, ia dapat mengekalkan suasana harmoni dan menghindarkan daripada krisis.

Zikir dalam kategori ini termasuklah bagi wanita jika ia memasak hidangan untuk keluarga, mengemas rumah, membasuh pakaian dan lain-lain, yang semuanya dilakukan bukan semata-mata kerana melaksanakan tanggungjawab seharian atau hendakkan pujian seseorang, tapi juga diniatkan untuk mendapatkan keredhaan Allah. Dengan kata lain, semuanya dilakukan dalam keadaan ingat pada-Nya.

Seorang ulama sufi berkata: *"Hendaklah bergantung lebih dengan janji-janji Allah daripada janji-janji manusia."*

Dalam satu hadis Qudsi, Allah berfirman yang maksudnya:

*"Aku di dalam sangkaan hamba-Ku kepada-Ku, dan Aku sentiasa bersamanya ketika ia mengingat-Ku. Jika ia mengingat-Ku dalam dirinya (hatinya), maka Aku mengingatnya dalam zat-Ku. Jika ia mengingat-Ku dalam kumpulan orang banyak, maka Aku mengingatnya dalam kumpulan yang lebih baik dari itu. Jika ia mendekati diri kepada-Ku sejengkal, nescaya Aku akan mendekatkan zat-Ku kepadanya sehasta. Jika ia*



*mendekatkan diri kepada-Ku sehasta, maka Aku akan mendekatkan zat-Ku kepadanya sedepa. Jika ia datang kepada-Ku berjalan kaki, maka Aku akan datang kepadanya berlari.”*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Sejauh mana kuatnya hubungan seorang hamba dengan Tuhannya merupakan cerminan kepada ukuran keimanan seseorang, sepertimana disebutkan oleh beberapa hadis Nabi serta firman Allah s.w.t. sendiri. Orang yang kuat hubungannya dengan Allah akan berbahagia mengingati-Nya ataupun berzikrullah ketika berdiri, ketika duduk ataupun ketika dalam keadaan berbaring (tidur).

Umum lebih mengenali zikrullah yang dilahirkan melalui kata-kata atau dengan ucapan lidah. Ia boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana saja, asal mengecualikan tempat yang dikhusus untuk membersihkan diri - bilik air atau tandas. Zikrullah ini merangkumi doa, istighfar, selawat, tasbih, tahmid, hamdalah, takbir ataupun tilawah. Ada zikrullah yang dilafazkan sebagai amalan zikir harian, seperti zikir-zikir yang diamalkan selepas sembahyang. Ada zikrullah yang diucapkan ketika dalam suasana gembira, sedih, cemas dan sebagainya. Besar kecilnya nilai zikir-zikir itu di sisi Allah ialah sejauh mana hati kita ingat

kepada-Nya ketika melafazkan ayat-ayat zikir itu. Nabi Ayub a.s. ketika diserang sejenis penyakit tidak putus-putus berzikir kepada Allah walaupun ketika seluruh anggota badannya telah dimakan ulat kecuali lidah dan hatinya. Keyakinan dan ingatannya kepada Allah tetap tidak terjejas walaupun fizikalnya parah diserang penyakit. Janji-janji Allah akan balasan di akhirat menjadi pegangan mendalam yang diyakini sehingga menimbulkan rasa lazat apabila dapat sentiasa mengingati tuhan-Nya di dalam hati dan memujamuji-Nya melalui kata-kata. Keadaan ini turut sama dikongsi oleh isterinya Siti Rahmah yang tetap tabah dan menunjukkan nilai kesetiaan yang tinggi mengurus keperluan suaminya demi kepentingan tanggungjawab melaksanakan perintah Allah s.w.t. Ujian juga penderitaan rata-rata kita hari ini mungkin tidak seberat yang dialami itu.

Dalam zaman awal perkembangan Islam pula, Sahabat Bilal bin Rabab memperlihatkan contoh bagaimana zikrullah berperanan membenteng iman dari dimasuki sebarang keraguan. Bilal bin Rabab adalah seorang hamba Allah yang tidak mempunyai sebarang kelebihan dunia baik harta, kedudukan, kuasa, nama atau rupa. Malah hak ke atas diri sendiri turut ternafi apabila

dijadikan abdi kepada manusia yang lain. Tidak dapat dibayangkan betapa rasa kemanisan iman benar-benar memenuhi segenap ruang hatinya ketika mengucapkan “*Ahad... Ahad... Ahad...*” sewaktu berhadapan dengan seksaan para pembesar Quraisy. Dalam menghadapi saat-saat seperti itu, baginya yang ada hanya Allah. Allah yang satu (*Ahad*).

Kekuatan dan ketenangan luar biasa yang dimilikinya menjadi anugerah yang disegerakan sebelum menerima balasan Syurga Allah di akhirat kelak. Hanya harapan-harapan ini yang dijadikan pegangan. Ia menjadi dorongan tambahan supaya tidak berasa lemah oleh persilihgantian ujian yang berat-berat yang dihadapi ketika di dunia.

Sayidatina Fatimah yang hidup dalam keadaan seketiadaan Sayidina Ali, memperlihatkan nilai pengorbanan tinggi dalam mengurus hal ehwal rumah tangganya. Namun, apabila Rasulullah s.a.w. diaju permintaan untuk mempunyai pembantu bagi meringankan bebanannya, baginda sebaliknya memberikan penawar yang boleh mengubat kedukaannya, mengisi kesepiannya juga memberi semangat pada kudratnya yang keletihan.

Ayahandanya, Rasulullah mengajarnya lafaz-lafaz zikrullah untuk dijadikan amalan dan sebagai teman sewaktu di rumah. Kakinya tetap mengisar gandum, sambil tangannya membuaikan anak, manakala lidahnya melafazkan zikir dan hatinya menghayati maknanya. Dalam masa yang sama, matanya menangis menginsafi diri. Zikrullah-zikrullah inilah yang telah memantapkan hubungannya dengan Allah, yang sekali gus menyuburkan keimanan serta keyakinannya.

Oleh itu, zikrullah tidak harus dilihat sebagai amalan yang berat untuk dikerjakan kerana sebenarnya ia terlalu mudah. Ia boleh dibuat bila-bila masa dan dalam keadaan apa sekali pun. Malah kita boleh melafazkan zikrullah sambil mendodoikan adik di buaian. Biarlah irama zikrullah kita berbaur dengan suara tangisan si adik hingga si adik itu lena dalam dodoian zikrullah kita.

Oleh: Mursilaili (JAKIM)

Mungkin tidak ramai orang yang mengenali Dr. Ahmad H. Zewail. Dr. Zewail adalah penyandang kerusi Profesor Kimia dan Fizik Linus Pauling serta pengarah pusat NSF, Makmal Sains Molekul (LMS) di California Institute of Technology (Caltech). Beliau amat dikenali dikalangan mereka yang berkecimpung di dalam bidang penyelidikan sains kimia. Beliau dikenali dan dikagumi, kerana kajian yang telah dilakukan serta ilmu pengetahuan yang telah disumbangkan kepada bidang tersebut. Akhir-akhir ini, nama beliau begitu dikenali diseluruh dunia, kerana beliau adalah telah memenangi anugerah Nobel untuk bidang kimia pada tahun 1999 dan menjadi saintis Muslim kedua yang pernah memenangi anugerah tersebut, selepas Dr. Abdus Salam. Anugerah Nobel adalah

merupakan pengiktirafan dan anugerah tertinggi untuk seseorang saintis dalam bidang Sains Kimia, Sains Fizik serta Sains Perubatan.

Dr. Zewail telah menerima pendidikan rendah dan menengah di Mesir, dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains dengan kepujian kelas pertama dan Ijazah Sarjana Sains dari University of Alexandria, Mesir dan Ijazah Doktor Falsafah dari University of Pennsylvania, Amerika Syarikat. Dr. Zewail, telah dilahirkan pada 26 Februari 1946 di Kota Disuq, Mesir. Anak tunggal lelaki daripada empat adik beradik, ini menjadi impian keluarganya untuk berjaya di dalam akademik dan menerima ijazah dari luar negara. Beliau diharapkan pulang semula ke tanah air sebagai professor untuk berkhidmat di Universiti Mesir.

Sejak remaja lagi, beliau

mempunyai minat yang amat mendalam terhadap matapelajaran sains fizikal. Setelah menamatkan pendidikan rendah dan menengah, beliau telah melanjutkan pendidikan di Fakulti Sains, University of Alexandria. Pada tahun kedua universiti, Dr. Zewail telah memperolehi markah yang amat cemerlang di dalam matapelajaran kimia dan dipilih menyertai kumpulan tujuh pelajar yang dikenali sebagai 'kimia khas', satu kumpulan elit sains di Fakulti Sains, University of Alexandria. Beliau menamatkan pengajian ijazah sarjana mudanya dengan cemerlang dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains (kelas pertama) dengan markah melebihi 90 peratus untuk semua matapelajaran kimia. Beliau kemudiannya telah dilantik sebagai pembantu penyelidik untuk melaksanakan penyelidikan bagi

# *Dr. Ahmed H. Zewail*

mendapatkan ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah dan juga mengajar pelajar siswazah di University of Alexandria. Pada ketika berumur 21 tahun, sebagai pembantu penyelidik, Dr. Zewail percaya di belakang setiap fenomena alam, pasti ada penerangan yang mudah dan indah bagi menerangkan fenomena alam tersebut. Kepercayaan tersebut kekal sehingga ke hari ini. Dr. Zewail telah berjaya memenuhi syarat untuk mendapatkan ijazah sarjana sains penyelidikan dalam masa hanya lapan bulan, dan telah dianugerahkan ijazah sarjana sains dari universiti yang sama.

Kajian yang dilakukan oleh Dr. Zewail pada peringkat sarjana adalah penggunaan spektroskop. Beliau amat tertarik mengenai membangunkan pemahaman bagaimana dan kenapa spektra sesetengah molekul bertukar apabila dicampurkan dengan pelarut. Ini adalah sesuatu subjek yang lama, namun pada Dr. Zewail, ia memerlukan dan melibatkan pemahaman peringkat baru yang agak moden di dalam jabatan tempat Dr. Zewail bertugas. Selepas setahun menjadi pembantu penyelidik, Dr. Zewail telah disaran untuk melanjutkan pengajiannya ke peringkat doktor falsafah di luar negara Mesir. Setelah mengharungi pelbagai kepayahan beliau akhirnya berjaya melanjutkan pendidikan beliau ke peringkat doktor falsafah di University of Pennsylvania, Amerika Syarikat.

Setibanya beliau di Amerika Syarikat, beliau merasakan yang dirinya telah dicampakkan ke dalam lautan yang penuh dengan ilmu, budaya dan peluang, dan pilihan untuk beliau adalah jelas, beliau sama ada belajar untuk merenangi lautan ilmu, budaya dan peluang tersebut ataupun tenggelam di dalamnya. Biarpun budaya berbeza, dan bahasa adalah sukar, namun harapan Dr. Zewail adalah tinggi. Beliau tidak fasih bertutur atau menulis dalam bahasa Inggeris dan tidak begitu tahu akan budaya barat, namun perkara tersebut tidak melemahkan semangatnya untuk terus berusaha untuk menyempurnakan cita-cita diri serta harapan keluarganya.

Kajian PhD Dr. Zewail dan syarat untuk mendapatkan ijazah tersebut telah disempurnakan pada tahun 1973.

Sumbangan Dr. Zewail kepada dunia adalah dengan penemuan Femto Second, iaitu kaedah mengesan pergerakan atom dan molekul menerusi sukatan waktu yang lebih tepat, iaitu dengan menggunakan teknik deras laser, pergerakan atom dan molekul dapat dilihat ketika reaksi dan tindakbalas kimia.

Kajian Dr. Zewail mengenai keadaan peralihan reaksi dan tindakbalas kimia menggunakan spektroskop '*femtosecond*' merupakan sumbangan besar kepada dunia terutama dalam bidang teknologi laser, yang mana telah membawa kepada satu revolusi dalam bidang kimia, bilamana membolehkan saintis memahami dan akhirnya meramal reaksi dan tindakbalas kimia. Dr. Zewail telah mengkaji dna meneliti atom dan molekul dalam suatu pergerakan yang perlahan ketika tindakbalas kimia berlaku. Teknik yang memungkinkan keadaan ini berlaku adalah dengan menggunakan kamera yang paling pantas yang menggunakan pancaran cahaya laser.

Penemuan sistem ini mampu dan berupaya mengesan ukuran jarak dalam unit bagi pergerakan molekul iaitu bersamaan dengan 1/100 juta sentimeter manakal kelajuan yang diukur berdasarkan satu kilometer sesaat. Dengan bantuan Femto Laser, ia akan membolehkan sukatan unit masa untuk pergerakan yang bersamaan dengan 100 Femto Second.

Dr. Zewail pernah mengatakan "Siapa tahu, satu hari kelak sub Femto akan berjaya dijadikan sub unit femto dan dengan demikian banyak lagi rahsia electron yang berjaya dibongkarkan." Melalui kaedah ini juga, kelajuan sel saraf otak dapat dikesan dan menurut jangkaan Dr. Zewail lagi penemuan utama berhubung bagaimana cara manusia berfikir dan fungsi otak manusia bakal diketahui pada masa akan datang. Selain daripada itu sumbangan Dr. Zewail juga adalah merupakan pelopor kepada kamera

laser yang berupaya mengambil gambar pergerakan atom dan molekul dalam mana-mana penggunaan kompleks yang membabitkan unit masa yang baru. Femto Second telah ditemui pada 1988 dan penyelidikan mengenai Femto Second telah diteruskan di California Institute of Technology, Pasadena, California, Amerika Syarikat.

Kajian terkini Dr. Zewail adalah mendalami kimia dan biologi dinamik dengan tumpuan kepada proses elementary fizik dalam sistem kompleks. Di dalam Pusat Makmal Sains Molekular (LMS), kajian yang melibatkan kerjasama dari pelbagai disiplin telah ditubuhkan kepada menangani kajian fungsi utama sistem nyata.

Selain daripada memenangi anugerah Nobel, Dr. Zewail juga adalah pemenang anugerah Yayasan Benjamin Franklin yang telah wujudkan sejak pada 1824, yang pertama dari kalangan bangsa Arab dan bukan sahaja menjadi kebanggaan rakyat Mesir tetapi juga menjadi kebanggaan seluruh umat Islam dan dunia Islam. Dan menjadi contoh kepada dunia bahawa umat Islam mampu menyumbang ke arah kesejahteraan umat manusia serta meneruskan kesinambungan sumbangan serta kecemerlangan cendekiawan Islam.



# Ancaman Pencemaran Dalam Makanan Halal

Oleh: Ghafani Awang

Teknologi dalam pemrosesan dan pengeluaran makanan menyebabkan makanan halal sentiasa terdedah kepada pencemaran najis secara tidak disedari. Terdapat pelbagai bentuk pencemaran makanan halal di pasaran. Ancaman terbesar pencemaran makanan halal adalah seperti berikut:

Berpunca daripada penerapan makanan berasaskan haiwan seperti babi, haiwan halal yang tidak disembelih, bangkai atau darah dan arak. Daripada sumber ini mereka mencipta pula pelbagai *ingeridian* dan bahan perasa berasaskan kulit, tulang, lemak, perut, otak, darah dan sebagainya. Bagi orang awam Islam agak sukar mengenali penerapan *ingeridian* dan bahan perasa yang berasaskan sumber najis ini.

Makanan halal yang tercemar kerana tersentuh dengan penggunaan peralatan, perkakasan dan pengangkutan pengeluaran makanan yang tercemar dengan najis - Keadaan ini berlaku apabila pihak industri menggunakan peralatan dan perkakasan yang sama dalam mengeluarkan makanan halal dan tidak halal.

Pihak industri atau pengusaha premis makanan tidak mengambil berat dari segi aspek kebersihan premis, persekitaran dan kesihatan pekerja. Terdapat sebahagian pengusaha melalaikan isu kebersihan kerana menganggap tidak termasuk dalam piawaian halal. Sebenarnya makanan menjadi tidak halal jika didapati kekotoran boleh mengancam keselamatan makanan dan memudharatkan pengguna.

Islam mewajibkan umat Islam memilih makanan halal. Bagaimana pun umat Islam telah diingatkan bahawa mereka perlu berhati-hati dalam menentukan sesuatu makanan itu halal atau haram. Rasulullah bersabda yang bermaksud: *"Sesungguhnya yang halal itu jelas dan haram itu juga jelas, dan diantara keduanya itu (halal dan haram) pula terdapat perkara perkara syubhah (belum diketahui halal atau haram) maka sesiapa yang menjauhi perkara syubhah itu adalah lebih baik"*

(Riwayat: Bukhari dan Muslim) Sebagai panduan pengguna Islam dalam pemilihan halal, maka mereka perlu merujuk peraturan berikut:

- Pastikan ada sijil halal yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama Islam negara ini.
- Lebih baik mengelak membeli produk yang dihasilkan dari luar negara yang berasaskan daging jika meragui status halalnya.
- Jangan mudah tertipu dengan penggunaan logo halal yang dibuat sendiri oleh pengeluar kerana tiada pihak berkelayakan mengesahkan status halal makanan itu.
- Menghubungi pihak berkuasa agama untuk mendapat maklumat lanjut berhubung isu halal dan haram dalam makanan dan barangan guna Islam yang lain.

Jika membeli daging ayam yang dijual dipasar pastikan ayam disembelih dengan betul atau minta maklumat daripada penjual sumber ayam yang diproses itu. Jika meragui maka jangan membelinya. Bagaimana pun daging import adalah dijamin halal kerana telah diperiksa teliti oleh kerajaan dengan kerjasama badan Islam luar negara yang diiktiraf kerajaan. Kerajaan telah membuat dasar bahawa daging import mesti halal.

Isu pencemaran makanan halal dengan najis adalah isu sensitif kepada pengguna Islam kerana ia melibatkan kesucian agama Islam berdasarkan pemerhatian, pihak industri makanan halal di negara ini amat menyedari sensitiviti mengenai isu makanan halal. Oleh sebab itu bagi menjamin kualiti makanan itu pihak industri lebih suka mendapatkan pengesahan halal yang dikeluarkan kerajaan dan tidak sewenang-wenang menggunakan sebarang logo halal.

Umat Islam di negara ini amat beruntung kerana kerajaan terlibat secara langsung dalam usaha meningkatkan kualiti dan pengawalan pencemaran makanan halal. Inilah kelebihan dan faktor utama pengeluaran makanan halal negara ini



terkenal di seluruh dunia. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) mengamalkan prosedur

pemeriksaan halal yang ketat bagi menentukan pengeluaran makanan halal standard halal yang ditetapkan.

Langkah ini amat wajar sebagai usaha menjaga imej Islam dan mengekalkan prestasi keyakinan tinggi umat Islam terhadap produk makanan halal yang dikeluarkan di negara ini. JAKIM, JAIN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kesihatan dan beberapa agensi yang lain sebagai jentera pengawalan pencemaran makanan halal terus memperhebatkan operasi pemantauan dan penguatkuasaan secara meluas dan berterusan untuk menentukan syarikat industri dan pengusaha makanan halal mematuhi piawaian halal yang ditetapkan.



Oleh: Raihan Rosdina binti Ahmad

#### QURAI SY BERSETUJU UNTUK BERUNDING.

Kemudian, Quraisy menghantar seorang lagi utusan, 'Urwah ibn Mas'ud al-Thaqafi kepada Rasulullah. Mereka mengadakan perbincangan yang panjang yang turut dihadiri oleh beberapa orang sahabat. Menerusi perbincangan tersebut, 'Urwah menyaksikan segalanya mengenai orang Islam secara dekat. Apabila beliau pulang kepada Quraisy, beliau melaporkan apa yang telah dilihatnya.

*"Wahai orang-orang Quraisy, aku pernah melihat seorang raja; aku pernah melawat raja Kaisar dan Najasyi di kerajaan mereka. Tetapi aku bersumpah demi tuhan, aku belum pernah melihat seorang raja yang begitu dihormati oleh pengikut-pengikutnya. Demi tuhan, jika Muhammad meludah liurnya, para sahabatnya pasti akan mengambil air*

*liur Muhammad ke dalam tapaknya dan menyapu ke muka dan kulitnya dengan air liur tersebut. Jika beliau mengarahkan sesuatu, mereka akan segera melaksanakannya. Jika beliau berwudhuk, mereka akan berebut-rebut mendapatkan air bekas wudhuk tersebut. Jika mereka bercakap ketika kehadirannya, mereka akan merendahkan suara. Mereka tidak akan mengangkat pandangan mata mereka kepadanya kerana menghormatinya. Aku berpendapat bahawa pengikutnya tidak akan mendedahkan beliau kepada bahaya. Jadi, fikirkan apa yang sepatutnya kamu lakukan."*

Menurut satu riwayat lain, beliau berkata: *"Beliau telah menawarkan perancangan yang baik, terimalah."*

Dalam masa yang sama, Rasulullah s.a.w. telah menghantar utusannya untuk bertemu Quraisy. Pada mulanya baginda menghantar Khirash ibn Umanyyah al-Khuza'i. Mereka telah

membunuh untanya dan merancang untuk membunuhnya tetapi dihalang oleh orang ramai. Mereka melepaskannya dan dia pulang kepada Rasulullah dan mengkhabarkan apa yang telah berlaku kepadanya. Baginda memanggil Umar ibn al-Khattab dan memintanya pergi ke Makkah. Umar berkata menjawab bahawa beliau takut diapa-apakan oleh puak Quraisy memandangkan beliau tidak mempunyai sanak saudara yang boleh melindunginya dari perbuatan Quraisy. Umar mencadangkan Rasulullah s.a.w. menghantar Uthman ibn al-Affan kerana beliau dihormati oleh Quraisy. Rasulullah s.a.w. menghantar Uthman kepada Abu Sufyan dan pemuka-pemuka Quraisy untuk menegaskan bahawa baginda bukan datang untuk berperang tetapi untuk menziarahi Kaabah.

# Perjanjian Hudaibiyah

## Bukti Kebijaksanaan Seorang Rasul (Siri 2)

Selepas Uthman menyampaikan perutusan baginda, Quraisy membenarkan Uthman mengelilingi Kaabah. Beliau menjawab: *“Aku tidak akan melakukannya sehingga Rasulullah sendiri yang melakukannya.”* Quraisy menahan Uthman dan khabar angin sampai kepada Rasulullah bahawa Uthman telah dibunuh. Apabila mendengarnya baginda bersabda: *“Kita tidak akan meninggalkan tempat ini selagi kita tidak memerangi mereka.”* Baginda mengumpulkan para sahabatnya untuk berbai’ah dan mereka berjanji akan berperang hingga ke titisan darah yang terakhir.

### PERJANJIAN HUDAIBIYAH

Berita mengenai bai’ah tersebut telah sampai kepada Quraisy. Mereka khawatir untuk berperang lagi dengan orang Islam. Lalu mereka menghantar Suhail ibn ‘Amr al-Amiri kepada Rasulullah dengan perutusan perdamaian semula dengan syarat baginda pulang ke Madinah pada tahun itu kerana mereka tidak mahu orang Arab mengganggu Rasulullah masuk ke Makkah dengan memberi tekanan kepada Quraisy di Makkah. Apabila Rasulullah s.a.w. melihat Suhail, baginda sedar dengan gerak hati dan pengalaman bahawa Quraisy telah memilih perdamaian semula dan baginda memberitahu sahabat-sahabatnya.

Maka perbincangan pun bermula. Syarat pertama yang diberikan baginda ialah membebaskan Uthman ibn ‘Affan, kerana baginda tidak akan melupakan atau mengabaikan sahabatnya. Quraisy membebaskan Uthman.

Para sahabat turut mengikuti perbincangan ke arah perjanjian tersebut secara dekat. Mereka mendengar cadangan-cadangan Suhail dan keangkuhan Quraisy untuk tidak membenarkan mereka menunaikan umrah. Mereka yakin bahawa mereka akan masuk ke Makkah dan melihat Kaabah selepas Rasulullah memberitahu mereka tentang mimpinya. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak mempersetujui draf perjanjian- dalam terminology sekarang- dan perkara utama ialah:

- 1) Menghentikan permusuhan antara kedua belah pihak untuk sepuluh tahun.
- 2) Kabilah-kabilah Arab boleh memilih untuk bersekutu dengan Rasulullah atau dengan Quraisy.
- 3) Mana-mana Quraisy yang memeluk Islam tanpa izin dari waris atau tuannya akan dipulangkan ke Makkah.
- 4) Mana-mana orang Islam yang murtad dan pergi ke Makkah tidak akan di pulang ke Madinah.
- 5) Rasulullah dan para sahabatnya tidak akan memasuki Makkah pada tahun tersebut, mereka boleh berbuat demikian pada masa yang sama tahun hadapan. Orang Islam dibolehkan membawa senjata yang tersarung. Quraisy hendaklah meninggalkan Makkah untuk tempoh tiga hari, untuk membolehkan umat Islam menunaikan umrah dan orang Islam boleh tinggal di Makkah dalam tempoh itu dan menunaikan umrah dan kemudian kembali ke Madinah.

Apabila mendengarnya, orang Islam merasa amat kecewa. Umar ibn al-Khattab datang kepada Rasulullah dan bertanya: *“Adakah kita orang Islam?”* Baginda menjawab: *“Ya, sememangnya kita orang Islam.”* Umar berkata: *“Jadi mengapa kita harus menerima penghinaan terhadap agama kita?”* Baginda faham apa yang tersirat di hati sahabatnya itu lalu baginda menjawab: *“Aku adalah hamba Allah dan utusan-Nya. Aku tidak boleh ingkar perintah-Nya dan Dia tidak akan mensia-siakan aku.”*

Ali telah menulis artikel-artikel perjanjian seperti yang telah dicadangkan oleh Suhail. Dalam waktu yang sama, Abu Jandal, anak kepada Suhail ibn ‘Amr telah dikurung oleh Quraisy kerana memeluk agama Islam tetapi telah berjaya melarikan diri. Apabila ayahnya melihatnya menyertai rombongan Islam, ayahnya telah memukul mukanya dan membantah bahawa anaknya datang selepas perjanjian ditulis. Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Benarlah kata-katamu.”* Suhail mengheret anaknya dan memukulnya di hadapan orang Islam. Rasulullah s.a.w. berkata kepada Abu

Jandal: *“Bersabarlah, dari Allah akan memberi ganjaran atas kesabaran kamu. Allah sudah pasti akan memberikan kepadamu kesenangan dan kemudahan dari kesukaran ini. Kami telah mempersetujui satu perjanjian dengan mereka; kami telah berjanji kepada mereka dan mereka juga telah berjanji kepada kami dengan nama Allah. Kami tidak akan mengkhianati mereka.”*

Perjanjian yang disaksikan oleh wakil dari kedua-dua belah pihak: Abu Bakar. Sa’ad ibn Waqas, ‘Abd al-Rahman ibn ‘Auf dan penulis perjanjian tersebut iaitu Ali ibn Abi Talib dari pihak orang Islam dan ‘Abd Allah ibn Suhail ibn ‘Amr dan mikraz ibn Hafs bagi pihak Arab Jahiliyyah.

Perjanjian tersebut hampir menggugat kedudukan komuniti orang Islam. Ada antara mereka yang sengaja melengah-lengahkan tahallul walaupun telah mendengar perintah Rasulullah untuk bertahallul. Mereka berpendapat bahawa perjanjian itu tidak adil dan melepaskan hak mereka. Rasulullah s.a.w. berdiam diri dengan sikap mereka kerana telah diperintahkan oleh Allah. Baginda melakukan tahallul terhadap dirinya sendiri: menyembelih binatang ternakan dan mencukur kepalanya. Apabila orang Islam melihat perlakuan baginda, mereka melakukan yang sama.

Dalam perjalanan pulang ke Madinah, perarakan mereka menjadi sayu dan suram. Walau bagaimanapun, Tuhan telah memberikan mereka ketenangan dengan mewahyukan Surah al-Fath yang menerangkan apa yang telah berlaku sebagai kemenangan yang besar.

*“Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadamu kemenangan yang nyata. Supaya Allah memberi keampunan kepadamu terhadap dosamu yang telah lalu dan akan datang serta menyempurnakan nikmat-Nya ke atasmu dan memimpinmu ke jalan yang benar.”*

(Surah al-Fath 48: 1-2)

**PEMECAHAN KEPADA KUMPULAN (CHUNKING)**

Beberapa butir maklumat dikumpul menjadi satu kumpulan mengikut keseragaman tertentu. Purata chunk yang mampu diterima mental ialah tujuh dan paling banyak ialah sembilan. Ia memerlukan irama tertentu supaya lebih diingati disamping mengurangkan kebosanan.

# 10 TEKNIK Penambahan Daya Ingatan



**GABUNGAN HURUF PERTAMA**

Setiap huruf awal digabungkan menjadi satu perkataan yang bermakna. Gabungan huruf ini juga mempunyai susunan tertentu yang ada fungsinya.

**DAYA IMAGINASI**

Bahan lisan boleh digantikan kepada bahan lukisan dengan pembentukan watak-watak yang dibayangkan dalam fikiran. Ianya diberi gambaran supaya lebih jelas. Daya Ingatan dapat ditingkatkan sekiranya sesuatu maklumat itu diberi gambaran melalui daya imaginasi kerana ia lebih jelas serta kekal jika dibandingkan dengan maklumat dalam bentuk lisan.

**MEMPUNYAI MAKNA**

Beberapa maklumat itu boleh dibuat pembahagian mengikut kumpulan tertentu berdasarkan fungsi yang sama. Maklumat yang ingin diingati boleh dihubungkan supaya dibentuk dalam satu ayat. Sekiranya maklumat itu terlalu panjang, hubungkait boleh dilaksanakan dengan membentuk satu cerita.

**MEMBUAT PETA MINDA**

Penggunaan satu imej sahaja sudah dapat menjekaskan beribu-beribu perkataan serta menambahkan daya ingatan seseorang. Kata kunci berada hampir dibahagian tengah dan idea yang kurang penting berada dibahagian hujungnya. Setiap perkataan hendaklah ditulis dengan huruf besar. Setiap perkataan ditulis atas setiap garisan dan setiap garisan hendaklah berhubung dengan beberapa garisan berkaitan. Perkataan-perkataan disusun mengikut ruang berkaitan. Gunakan warna terang. Peta minda dihasilkan secara berasingan.

**CARA LOKASI**

Mestilah berdekatan dengan beberapa ciri-ciri kesinambungan semulajadi. Lokasi yang mudah digambarkan. Tempat itu boleh berupa tempat yang benar-benar wujud atau rekaan semata-mata.

**PENGGUNAAN KATA KUNCI**

Perkataan yang hendak diingati digantikan dengan perkataan yang lain tetapi mempunyai persamaan makna. Beri gambaran mental pada kata kunci supaya dapat dibayangkan didalam minda dan cuba terjemahkan.

**PENGGUNAAN GAMBARAJAH**

Carta pai dan graf bar boleh membantu meneliti maklumat yang ada kaitan dengannya dengan kuantiti. Garisan masa, carta aliran piramid dan susunan tangga lebih sesuai digunakan untuk mengganti maklumat dalam bentuk peraturan, cara dan langkah-langkah tertentu yang mempunyai susuna tetap. Cara ini boleh membantu pelajar mengulangkaji pelajaran dalam menghadapi peperiksaan. Ia juga meringkaskan nota panjang, menjadi pendek serta menarik.

**PENGGUNAAN PENANDA WACANA**

Teknik ini menghubungkan beberapa fakta daripada satu idea kepada satu idea yang mempunyai kesinambungannya. Penanda wacana lebih berkesan sekiranya seringkali digunakan.

**PENGGUNAAN SOALAN**

Dapat membantu mengurustumpukan maklumat umum kepada maklumat penting yang perlu diingati. Cara ini juga memudahkan proses penyelidikan, pembacaan, pengulangkajian dan pembelajaran dilaksanakan.

Oleh: ABU MUHAMMAD

Al-Quran sebagai kitab yang terakhir diturunkan oleh Allah s.w.t. telah merakamkan pelbagai perkara yang berhubungan dengan manusia dan aktiviti kehidupannya. Sebagai kitab hidayah, dijelaskan falsafah hidup sebenar dan wasilah yang selari dengan fitrah manusia di samping rakaman pelbagai ragam kehidupan umat zaman dahulu untuk tatapan sekaligus pengajaran umat kemudian.

Di bawah ini, dinyatakan secara ringkas empat golongan manusia yang mempunyai pelbagai bentuk dan gaya hidup dengan berbagai-bagai implikasinya, seterusnya ditunjukkan falsafah al-Quran yang unggul untuk penghayatan manusia.

Golongan manusia yang meletakkan matlamat hidup mereka ialah untuk bekerja mencari kepuasan makan minum dan berseronok-seronok. Hidup tidak perlu dibebani dengan berfikir perkara-perkara yang boleh merusingkan akal fikiran. Apa yang perlu diperhitungkan ialah mereka perlu menggunakan segala keupayaan dan kesempatan untuk mendapatkan kepuasan terutama makan minum dan berseronok dengan aneka jenis hiburan seperti yang terdapat pada hari ini.

Mereka ini bersikap menerima apa sahaja yang mampu dicapai, dengan tidak mengambil kira persoalan halal haram dari segi penentuan hukum dan akhlak Islam serta manfaat atau mudharatnya perkara tersebut. Mereka semua adalah manusia pada zahirnya tetapi hakikatnya tabiat mereka adalah seperti binatang yang hanya memikirkan kepentingan perut sahaja. Demikian penegasan al-Quran kepada manusia jenis ini. Matlamat hidup seperti ini tidak layak menjadi objektif utama kehidupan manusia.

Golongan materialistik adalah golongan manusia yang meletakkan matlamat hidup hanyalah untuk mengumpulharta benda, kemewahan, perhiasan yang mahal-mahal dan indah-indah. Perkara ini adalah menjadi pokok perjuangan hidup mereka. Dan benda-benda inilah dipandang sebagai faktor ketinggian, kebanggan, kemajuan, kebesaran dan sebagainya bagi kehidupannya. Jika tidak puas dengan pencapaian kebendaan yang ada, diusahakan pula dengan bersungguh-sungguh untuk menambah dan mengumpul sebanyak mungkin harta-harta tersebut. Maka timbul pula sifat ingin berlumba-berlumba dalam mengumpul harta kekayaan disebabkan kepercayaan dari segi ketinggian status sosial, yang tanpa disedari mereka telah diperhambakan oleh kebendaan atau material.

Al-Quran telah menjelaskan manusia termasuk dalam golongan ini adalah golongan yang menempah kerugian dalam hidup. Firman Allah s.w.t.yang bermaksud: *"Manusia dihiasai dengan perasaan cinta nafsu dalam bentuk 'perempuan', 'anak-anak', emas dan perak yang berpikul, kuda (kenderaan) yang cantik, binatang ternakan dan tanah ladang-itu adalah keseronokan hidup di dunia sedangkan di sisi Allah adalah sebaik-baik tempat kembali (syurga)."* (Ali-Imran:14)

Demi untuk memastikan manusia mengecapi kebahagiaan dalam kehidupan, al-Quran turut memberi peringatan yang antaranya bermaksud: *"Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda dan anak-anak kamu dari mengingati Allah (patuh pada titah perintahnya). Dan ingatlah sesiapa yang melakukan demikian maka mereka itulah orang-orang yang rugi".*

(Al-Munafiqin:9)

Dalam kehidupan seharian, kita dapati ramai manusia yang terpesona dan terpujau terhadap kesenangan hidup ini terutama apabila mereka sudah terlepas dari kesempitan hidup. Mereka telah senang dengan harta yang banyak, tempat tinggal yang selesa, kenderaan yang baik dan alat-alatan rumah yang indah-indah. Jika tidak cukup wang, mereka berusaha pula untuk berhutang semata-mata ingin memenuhi tuntutan nafsu dan mengajar kemewahan melalui kebendaan. Ajaran Islam pula hanya akan direalisasikan apabila berada di dalam kesempitan, kesakitan atau kematian. Jika tiada musibah yang menimpa, agama dilontar sejauh-jauhnya dari kehidupan.

Hati dan sanubari mereka kering dengan nilai-nilai taqwa. Minat dan komitmen mereka ialah ke arah mengejar kemewahan dan kebendaan

# Perspektif Hidup Manusia Menurut Al-Quran

semata-mata. Kebiasaannya sifat yang turut membangun bersama mereka ini ialah angkuh dan sombong, individualistik, egoistik dan tidak redha dengan ketentuan Ilahi. Kecintaan terhadap kehidupan seperti ini adalah antara tanda-tanda bahawa nafsu dan syaitan telah berjaya menggoda manusia. Ia lebih buas daripada syaitan. Dan manusia banyak tertipu dengannya. Inilah juga faktor utama yang menyekat kebahagiaan manusia. Justeru, Al-Quran telah memberi nasihat yang bermaksud: *“Dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu, kerana hawa nafsu akan menyesatkan*

kesan dari putar belit atau fitnah yang disebarkan oleh mereka itu. Justeru itu, tujuan dan cara hidup golongan ini ditolak oleh Islam. Firman Allah s.w.t di dalam al-Quran yang bermaksud :

*“Ada di antara manusia yang kamu tertarik dengan percakapannya di dalam hidup di dunia ini, sedangkan Allah mengetahui apa yang tersembunyi di dalam hatinya yang ia adalah sebenarnya penentang yang paling keras. Apabila kamu memberinya tugas, dia berusaha membuat kerosakan di bumi ini dan tumbuhan dan keturunan, sedangkan Allah tidak suka kepada kerosakan”.*



*kamu dari jalan Allah”.*

Umat Islam seharusnya memegang gagasan al-Quran di bawah ini sebagai panduan hidup yang bermaksud: *“Sesungguhnya Kami telah jadikan apa yang ada di bumi ini sebagai perhiasan baginya, kerana Kami hendak mencuba dan menguji mereka siapakah di antara mereka itu yang paling baik amalnya”.*

Ada golongan manusia yang sikapnya suka menyebarkan fitnah, menimbulkan kejahatan dalam masyarakat, membuat kerosakan malah kemusnahan. Tetapi kerja-kerja buruk ini dirasakan seronok baginya lalu hidupnya sentiasa dihantui dengan kerja-kerja jenis ini. Berlaku polemik atau cakap-cakap yang mengeruhkan suasana dan pemikiran masyarakat

(Al-Baqarah: 204-205)

Golongan keempat pula adalah golongan manusia yang terbaik berbanding tiga golongan sebelum ini. Mereka adalah orang-orang yang memahami siapa mereka yang sebenarnya, apa tujuan mereka dihidupkan di dunia ini dan ke mana hala tuju mereka selepas ini. Tujuan hidup yang ditetapkan oleh golongan ini jauh lebih besar dan bernilai daripada matlamat hidup golongan-golongan yang disebutkan sebelum ini. Golongan ini memahami hakikat dan konsep dunia yang sebetulnya. Adapun kekayaan, jika mereka memilikinya, diperalatkan untuk berbakti kepada agama dengan menyeru dan mengajak manusia kepada memahami serta menghayati kebenaran, membimbing kepada

kebaikan dan kebaikan serta meletakkan komitmen yang padu dan bersungguh-sungguh ke arah merealisasikan Islam di dalam segenap aspek kehidupan.

Inilah manusia yang bekerja menyelamatkan manusia daripada runtuhannya nafsu yang liar. Oleh kerana itu, mereka memperoleh kejayaan (al-falah) di dunia dan di akhirat. Untuk memperbaiki manusia ke jalan yang direstui Allah s.w.t bukanlah satu tugas yang mudah. Ia memerlukan kepada pengorbanan yang tinggi dari segi tenaga, wang ringgit dan harta malah kadang-kadang turut melibatkan pengorbanan nyawa mereka untuk mencapai tujuan tertinggi ini.

Apabila disebutkan ketentuan-ketentuan dari al-Quran itu terutamanya tentang dunia, bukanlah bermakna Islam memandang negatif terhadap kesenangan-kesenangan hidup di dunia ini. Islam menolak cara hidup ‘kerahiban’ dan ‘kepaderian’ yang membataskan diri mereka menurut aturcara hidup mereka sendiri. Dalam Islam, dunia adalah gelanggang di mana manusia bertugas merealisasikan tugas khalifah (ejen pembangunan alam menurut acuan Ilahi), maka dunia menjadi alat penyempurnaan tugas dan bukan matlamat akhir kehidupan. Justeru itu, gesaan dan galakan Islam lebih tertumpu kepada sasaran matlamat akhir iaitu kesejahteraan di akhirat tetapi tidak sampai melupai perannya di dunia. Firman Allah s.w.t yang bermaksud: *“Dan tuntutlah serta carilah apa-apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan akhirat) dan janganlah kamu lupakan bahagianmu (kenikmatan) duniawi..”* (al-Qasas:77)

Inilah falsafah, tujuan, bentuk hidup dan kriteria kehidupan manusia yang telah digariskan oleh al-Quran, dan kriteria ini bersifat universal, serasi dengan naluri semulajadi manusia. Paling penting, apa jua sekalipun yang hendak dilakukan, kita perlu terlebih dahulu memahami tujuan dan matlamat yang hendak dicapai. Tanpa memahaminya dengan jelas, sudah tentu hidup kita akan menemui kegagalan bukan sahaja di dunia malah turut menerima kerugian di akhirat. Sama-samalah kita menentukan matlamat hidup kita agar ia sejajar dengan keredhaan Allah yang hendak dicapai.

# PENGANGGURAN DAN PEMBAZIRAN TENAGA REMAJA

Apabila sebut sahaja pengangguran rata-rata orang akan membayangkan sebilangan manusia yang tidak mempunyai pekerjaan dan tidak memperolehi pendapatan untuk membiayai kehidupannya sama bagi dirinya sendiri ataupun orang lain. Pengangguran bentuk ini memang sudah sedia maklum. Berbagai pandangan telah diberikan mengenainya. Ada orang yang menyalahkan sikap individu sebagai punca ia berlaku. Ada pula yang menyalahkan pihak yang berkuasa sebagai punca berlakunya pengangguran bentuk ini. Namun, walau apa pun pandangan yang diberikan, semuanya menghala ke arah memberikan nilai negatif terhadap pengangguran ini. Tidak kurang pula yang memandang hina dan rendah terhadap golongan penganggur ini.

Namun demikian apabila diteliti dengan mendalam, sebenarnya pengangguran bukan hanya terbatas pada erikata tidak ada pekerjaan atau tidak mempunyai sumber pendapatan. Akan tetapi intipati erti pengangguran merangkumi aspek-aspek berikut:

**Tidak** menggunakan tenaga atau kemahiran yang ada pada perkara yang sepatutnya.

**Tidak** menunaikan tanggungjawab yang dilaksanakan

**Tidak** memberikan sumbangan dalam aspek kemahiran yang dimiliki sama terhadap diri, keluarga, masyarakat ataupun negara.

Setiap orang mempunyai kemahiran dan keupayaan yang tersendiri, sama ada kemahiran dalam bidang pengurusan, professional, pendidikan atau lain-lain. Setiap orang mempunyai tenaga yang tersendiri. Setiap orang mempunyai masa tersendiri. Setiap orang mempunyai tugas, tanggungjawab dan peranan tersendiri.

Persoalan yang hendak diketengahkan di sini ialah sejauh mana kemahiran, keupayaan, tenaga dan masa yang dimiliki oleh setiap orang itu telah digunakan sepenuhnya bagi menghasilkan kebaikan untuk diri, keluarga, masyarakat, negara dan dunia seluruhnya. Persoalan seterusnya ialah sejauh mana elemen-elemen di atas

telah digunakan dengan tepat dan sepenuhnya dalam menunaikan tanggungjawab. Persoalan kedua ini penting kerana ramai orang yang menggunakan kemahiran dan tenaga serta masa yang dimilikinya untuk melakukan aktiviti yang tidak menjurus ke arah menunaikan tanggungjawab yang sebenar.

Sebagai contoh kemahiran belajar dan tenaga sihat serta masa lapang yang dimiliki oleh pelajar, sejauh mana telah mereka gunakan untuk belajar dan mempelajari ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah yang seharusnya mereka tangani. Katakan hari Isnin hingga Jumaat mereka ke sekolah dari jam 7.00 pagi hingga 2.00 petang. Selama 5 jam mereka menggunakan kemahiran, tenaga dan masa untuk belajar. Di sebelah petang dan malam pula mereka menggunakan elemen-elemen untuk mengulangkaji pelajaran selama 4 jam lagi. Adakah kemahiran tenaga yang mereka miliki telah habis dengan 9 jam belajar, mempelajari dan mengulangkaji. Adakah 9 jam tersebut segala kewajipan dan tanggungjawab pelajar telah terlaksana? Bagaimana pula aspek hubungannya dengan Allah dan agama Islam? Bagaimana pula dengan kewajipan mereka terhadap diri sendiri, terhadap ibu bapa dan seterusnya? 9 jam ini hanya digunakan di hari persekolahan. Bagaimana pula dengan hari Sabtu, Ahad dan cuti penggal persekolahan? Kadang-kadang penggunaan masa seperti di atas hanya berlaku menjelang peperiksaan. Apabila tamat hari peperiksaan, bagaimanana pula penggunaannya? Adakah sama dengan sebelumnya? Sekiranya tidak dan ada kemahiran, tenaga, masa dan kelebihan yang tidak digunakan maka ini bermakna telah berlaku pengangguran dan pembaziran tenaga. Berapa banyak faedah yang akan dapat dikutip sekiranya kemahiran, tenaga dan masa yang ada pada pelajar itu digunakan sepenuhnya? Memang tidak dinafikan kadang-kadang mereka berjaya mengisi masa lapang dengan berbagai aktiviti. Tetapi adalah aktiviti tersebut menepati kemahiran dan kewajipan serta tanggungjawab yang mereka pikul? Bagaimana kemahiran membaca dan menulis yang ada pada

mereka digunakan pada hari bukan persekolahan? Adakah ia digunakan sepenuhnya untuk melengkapkan lagi ilmu pengetahuan mereka terutama yang berbentuk fardhu ain.

Sekiranya masih ada lagi kemahiran tenaga dan masa yang ada pada para remaja ini yang tidak digunakan sedangkan ia boleh dan perlu digunakan, maka di sini telah berlaku pengangguran sekalipun mereka masih bergelar pelajar. Sekiranya kemahiran tenaga dan masa itu pula digunakan pada perkara yang tidak sepatutnya maka ini bermakna telah berlaku pembaziran. Kedua-dua perbuatan ini iaitu pengangguran dan pembaziran merupakan perkara yang dilarang oleh agama Islam. Dalam satu hadis, Rasulullah s.a.w. melarang berlebihan dalam sungai yang mengalir untuk berwuduk. Baginda juga pernah memberikan kapak dan tali kepada seorang sahabat yang datang meminta bantuan kewangan dari baginda. Ini kerana sahabat itu mempunyai tenaga, kemahiran dan masa untuk berusaha mencari kayu untuk dijual sebagai sumber pendapatan, seterusnya untuk menunaikan tanggungjawab kepada keluarga.

Penggunaan secara maksimum tenaga, kemahiran dan masa yang ada pada pelajar ini amat penting sekali terutama dewasa kini yang memaparkan berbagai jenis dan bentuk kekurangan serta kecacatan yang wujud pada para pelajar di peringkat usia remaja dan muda. Keperluan ini jelas memandangkan situasi berikut.

Umat Islam memerlukan cendekiawan Islam dalam berbagai aspek untuk membina satu kekuatan yang dapat melindungi mereka dari ancaman musuh. Negara memerlukan tenaga kerja mahir dan profesional untuk memenuhi keperluan dan permintaan. Terlalu banyak penyelewengan moral dan akhlak yang dilakukan oleh remaja dan pemuda dapat dielakkan sekiranya tenaga dan masa mereka digunakan sepenuhnya pada perkara yang sepatutnya.

Justeru itu usaha dan tindakan oleh ibu bapa amat perlu dalam mengurus kemahiran, tenaga dan masa yang ada pada anak-anak mereka.

Dalam menyusuri sejarah perkembangan tamadun Islam, tokoh-tokoh muda seperti Saidina Ali bin Abi Talib, Usamah bin Zaid, Abdullah Ibn Umar, Ibn Abbas, Saidatina Aisyah dan beberapa nama besar lain adalah merupakan pelopor muda dari kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w. yang telah menempa nama dan memberi sumbangan yang cukup besar dan bermakna di usia muda mereka. Malah tidak ketinggalan Rasulullah sendiri merupakan nama yang cukup besar dalam sejarah Islam khasnya dan dunia umumnya. Jasa mereka sentiasa terpahat dalam sejarah tamadun Islam dengan sumbangan tidak ternilai. Susur galur sejarah juga telah memaparkan tokoh-tokoh tersebut di waktu usia muda telah membuka 1001 lembaran baru sebagai teladan bagi remaja masa kini untuk memanfaatkan usia muda dan menyumbangkan kepada, bangsa dan negara.

Ini adalah harapan, impian dan juga merupakan cabaran yang diletakkan kepada remaja masa kini untuk membuktikan kemampuan mereka sama ada menjadi generasi yang cemerlang atau sebaliknya. Zaman remaja sering di salah anggap sebagai zaman untuk

mencuba sesuatu yang baru. Hakikat yang dapat di nyatakan bahawa zaman ini adalah zaman keemasan kerana ruang dan peluang yang ada jika digunakan untuk tujuan kebaikan, hasilnya kebaikan yang akan diperolehi dan begitu juga sebaliknya. Nafsu dan cita rasa "orang muda" tanpa dipelihara dan dipandu dengan landasan iman yang sebenarnya, sudah tentu hasilnya tiada. Tepuk dada tanya iman di jiwa.

#### Identiti Diri Berasaskan Iman

Remaja soleh, cemerlang dalam pelajaran, berakhlak mulia, taat kepada ibu bapa, berbudi pekerti luhur adalah impian setiap ibu bapa. Remaja yang baik tingkah lakunya amat disayangi dan dikasihi serta disenangi, bak kata orang tua "sejuk perut ibu mengandung". Namun, satu cabaran yang pasti dihadapi dan perlu ditempuhi oleh remaja ialah zaman kemuncak menentukan identiti diri sendiri. Identiti diri berasaskan iman adalah kekuatan sebenar seorang insan. Iman yang menghidu seseorang akan menjadi benteng daripada melakukan sesuatu yang merosakkan dan mungkin menyebabkan seseorang itu terjerumus ke dalam lembah kehinaan dan

kehancuran.

Orang yang beriman dihiasi dengan rasa malu, disinari dengan rasa cinta yang suci dan luhur kerana Allah dan dipereratkan dalam akidah yang satu. Iman yang terpahat dalam diri seseorang akan sentiasa mendorong untuk mempertingkatkan keupayaan dan kualiti diri seterusnya mencapai nilai iman yang sebenarnya. Dalam satu ungkapan hadis Rasulullah yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim ada dinyatakan: Yang bermaksud:

*Ada tiga perkara ( syarat ) untuk mendapatkan kelazatan iman itu ialah:*

*Mencintai Allah dan Rasulullah lebih daripada mencintai orang lain.*

*Mencintai seseorang semata-mata kerana Allah.*

*Benci kembali kepada kufur serupa dengan bencinya sekiranya dia dicampakkan kedalam api neraka yang menyala.*

*Mencintai Allah dan RasulNya akan melahirkan rasa cinta antara seseorang dan dapat membentuk insan yang bertaqwa kepada Allah.*

Junjungan besar Nabi s.a.w. ada menyatakan dalam sebuah hadis riwayat Bukhari Yang Bermaksud:

*Sebaik-baik amalan ialah beriman kepada Allah dan RasulNya.*

Iman sifatnya adalah penyelamat bagi seseorang yang terdorong untuk melakukan sesuatu kesalahan dan akan mengawal diri dari melakukan dosa jika iman mendiami dalam dirinya. Itulah peranan iman dalam diri seorang insan. Lukman Al-Hakim yang terkenal dengan kata-kata nasihatnya, suatu hari pernah beliau ditanya anaknya:

"Wahai bapakku! Apakah sebaik-baiknya perkara bagi manusia?" Jawab Lukman 'Agama' Ditanya lagi, kalau perkara itu dua? Dijawab "Agama dan Harta". Anaknya terus bertanya lagi, "kalau tiga?" lantas dijawab "Agama, Harta dan Malu. Ditanya lagi, "kalau empat?" dijawab "Agama, Harta, Malu dan Budi Pekerti Yang Baik". Ditanya lagi oleh anaknya, "kalau lima?" seterusnya dijawab "Agama, Harta, Budi Pekerti Yang Baik dan Pemurah". "Kalau enam?" Lukman dengan jawapan yang penuh bijaksana menjawab, "wahai anak kesayanganku, kalau lima perkara sudah terkumpul dalam diri seseorang, maka dia adalah suci terpelihar7a (taqwa), dilindungi Allah dan bebas dari syaitan".

Kita telah melihat pelbagai identiti yang menghidu kehidupan remaja masa kini. Remaja yang terlibat dengan pelbagai gejala tidak sihat, ketagihan dadah, punk, lepak, berpeleseran, berpakaian ala barat dan sebagainya.



# Manfaatkan Usia MUDA

Kehidupan seorang remaja sebegini menyebabkan mereka tidak terurus dan mencerminkan akhlak dan moral mereka sangat rendah. Nasib mereka untuk hari muka tidak dapat ditentukan kerana jatuh bangun sesuatu bangsa dilihat kepada generasi hari ini. Dalam dunia globalisasi, pencarian identiti diri bagi seseorang remaja, harus dibimbing oleh iman kerana kekuatan ruhaniah dan iman yang mantap adalah benteng dan identiti sebenar dalam diri insan.

### **Bentuk Keperibadian - Contohi Rasulullah**

Rasulullah di usia muda mempunyai keperibadian yang tinggi. Keperibadian baginda mendapat pengiktirafan dari masyarakat Arab kerana akhlak dan sifat-sifat mulia yang terbentuk dalam diri baginda. Tidak hairanlah gelaran al-Amin (yang beramanah) diberikan kepadanya dan pelbagai gelaran lain yang menggambarkan ciri-ciri unggul yang menjadi teladan untuk diikuti ummat Islam. Rasulullah s.a.w dipilih oleh Allah dari rumpun yang termulia, dipelihara oleh Allah masa kecilnya dan masa remajanya. Insan mulia dan suci ini memperlihatkan sifat-sifat luar biasa dengan budi bahasa, berakhlak mulia dan mencintai kedamaian. Gambaran tersebut Rasulullah menunjukkan kekentalan jiwa yang mampu bertahan dari pengaruh jahiliyah ketika itu. Di usia remaja, baginda mengambil upah menjadi penggembala menternak kambing kepunyaan penduduk Mekah. Perjalanan hidup baginda dilalui dengan berdikari walaupun menjadi anak yatim di usia kanak-kanak lagi. Ketajaman fikiran di usia kanak-kanak lagi. Ketajaman fikiran di usia muda juga terbukti dalam menyelesaikan masalah yang berlaku dikalangan masyarakat Arab antaranya, menyelesaikan isu meletakkan Hajar Aswad di tempat yang sebaliknya. Antara akhlak Rasulullah yang patut diikuti ialah, beriman kepada Allah, beribadat dan mengabdikan diri kepada Allah, takut kepada Allah, Redha dan ikhlas terhadap Qada' dan Qadar Allah dan banyak lagi.

Tidak ada satu aspek pun daripada penghidupan manusia yang tidak dialami oleh baginda. Baginda sabar dan tabah menempuh ujian demi ujian bagi menunjukkan kepada ummat baginda bahawa penghidupan sebagai manusia adalah medan ujian untuk memilih hamba-hamba Allah yang terbaik taqwa di kalangan mereka. Segala sifat asas bagi Rasul menunjukkan baginda benar seorang utusan Allah. Baginda diciptakan dengan keadaan paling sempurna, paling tinggi kedudukannya, dan paling agung

perbuatannya sehingga mampu menghadapi semua orang. Rasulullah dalam apa keadaan sekalipun menjadi contoh tertinggi dan suri teladan yang terbaik bagi manusia.

### **Perancangan Masa Depan**

Manusia perlu ada matlamat hidup. Ramai manusia hari ini hidup tanpa matlamat yang jelas. Kerana itu, hidupnya jadi terumbang ambing dan tidak terpinpin. Secara realitinya ada elemen yang mengiasi hidup seorang remaja, ada yang beranggapan hidup untuk mencari keseronokan, mahu kesenangan, mahu dikasahi, disayangi dan menyayangi, mahu kebebasan dan segala kemahuan yang memenuhi gelora jiwa. Konsep kebahagiaan yang ingin dinikmati telah disalah tafsirkan. Namun begitu, tidak salah ingin menikmati kemahuan sebegini. Remaja perlu dipimpin dan dibimbing dilandaskan iman dan taqwa dengan penuh hikmah dan sebaliknya. Pilihan yang terbaik perlu didedahkan kepada golongan remaja supaya dapat membuat pilihan terbaik bagi diri mereka. Perlu ditingkatkan, manusia yang tersesat dalam membuat pilihan akan porak peranda hidupnya. Kerana itu, kita lihat semakin manusia berusaha mencari bahagia, maka mereka semakin menderita. Semakin berlaku pelbagai perkara yang mengharu birukan dunia. Pencarian kebahagiaan yang melanggar perintah Allah tidak akan mendapat apa yang dikehendakinya kerana kebahagiaan adalah kurniaan dari Allah untuk hambaNya.

Usaha merencana hidup perlu dibuat dengan sebaiknya. Dengan negara yang perlukan golongan muda yang mempunyai jatidiri, berketrampilan. Mempunyai ketahanan mental dan jiwa yang padu dan punyai kekuatan ilmu yang sempurna. Hasrat pemimpin negara mahu melihat para remaja dan golongan muda sebagai pelapis perlu disahut agar tercapai apa yang dicita-citakan. Negara perlukan pakar dalam bidang astronomi, aero angkasa, ekonomi, ICT dan beberapa bidang kepakaran lain yang dapat merealisasikan hasrat negara sebagai negara maju. Sehubungan dengan itu, usaha perlu ditingkatkan bagi membina, memupuk generasi yang hendak dilahirkan yang mampu membuktikan keupayaan menggalas hasrat dan harapan tersebut. Ruang dan peluang sudah terhidang, perancangan untuk menggapainya perlu diusahakan dan dipertingkatkan. Perancangan masa depan harus dimulai dengan memantapkan matlamat, mempersiapkan

diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran, mendedahkan diri dengan dunia luar agar tidak teraba-raba dan tidak sesat mengharungi cabaran yang bakal dihadapi seterusnya menetapkan masa untuk mencapai kejayaan. Kejayaan yang hendak dicapai di dunia maksudnya berjaya memperolehi pelbagai nikmat di dunia yang menjadi idaman setiap insan seperti berjaya di dalam peperiksaan dengan keputusan yang cemerlang, mendapat pangkat dan kedudukan yang tinggi, memperolehi kekayaan yang melimpah ruah seterusnya membina keluarga bahagia, masyarakat yang bertamadun dan negara yang cemerlang dan berjaya.

Konsep dalam merancang masa depan perlu disusun dengan langkah-langkah untuk berjaya. Langkah pertama perlu mengetahui konsep tasawwur Al-Falah iaitu dengan mengetahui konsep kejayaan di samping juga mengenali konsep kegagalan seperti yang digariskan oleh Allah s.w.t. Langkah kedua ialah mengikuti landasan yang betul dengan berpandukan arah jalan yang hendak dituju dengan memberi fokus yang sewajarnya. Langkah ketiga, ialah memahami kejayaan tidak akan datang tanpa usaha, tawakkal selain berdoa mengharap pertolongan daripada Allah.

Harapan untuk melihat generasi muda sebagai generasi muda sebagai generasi yang menjadi sandaran terbesar bagi membela agama, memartabkan nasib bangsa dan mendaulatkan negara tercinta perlu kepada komitmen dan kerjasama semua pihak. Kita amat mengharap generasi muda terpinpin dengan tawfiq dan hidayah Allah s.w.t dalam merencanakan kehidupan agar menjadi lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.



Oleh: Aminudin Mansor

**S**emasa remaja anda akan menempuh berbagai-bagai pengalaman seperti suka, duka, gembira, kecewa, terkilan, merajuk dan sakit hati.

Selain itu, remaja juga tidak terlepas daripada keadaan alam sekitar yang mempengaruhi kesihatan mereka.

Manusia sentiasa inginkan keindahan alam sekitarnya. Mereka perlu berusaha untuk menjaga keindahan ini dengan memelihara alam sekitar.

Keadaan sosial yang wujud sekeliling anda mempengaruhi kesihatan anda. Beberapa tekanan

akan berlaku jika anda merasakan keadaan sosial yang wujud tidak sesuai dengan diri anda.

Jika anda tersilap anda harus sanggup menerima teguran untuk memperbaiki kesilapan anda. Anda mungkin berhadapan dengan tekanan keluarga. Tekanan rakan sebaya atau persaingan pada bila-bila masa.

Sebagai ahli keluarga anda menjadi anak dan dalam masa yang sama juga mungkin menjadi abang, adik atau kakak kepada adik beradik anda.

Dalam keluarga anda mungkin menghadapi beberapa tekanan daripada ahli keluarga anda. Jika ibu bapa anda mahukan anda lulus dalam peperiksaan dengan markah yang

cemerlang, anda harus berusaha untuk memenuhi impian mereka. Keadaan ini mungkin memaksa anda untuk belajar berlipat ganda bagi menghadapi ujian. Jika ini tidak dikawal ia akan menjejaskan kesihatan anda seperti tidak cukup tidur, tiada selera makan atau sentiasa berasa takut tidak lulus peperiksaan. Untuk mengatasi masalah ini anda harus pandai menjadualkan masa belajar supaya seimbang dengan kehendak jasmani dan rohani. Jadual belajar dan mengulangkaji yang tersusun akan menjadikan masa itu amat berharga. Jadual yang baik juga akan membolehkan anda mempunyai masa yang cukup untuk tidur, berehat dan berekreasi. Disamping itu juga anda akan mempunyai masa untuk membantu ibu bapa anda.

Jika anda mempunyai adik beradik, anda hendaklah menerima hakikat perbezaan yang ada dikalangan adik beradik anda. Kadang kala ibu bapa anda meluangkan masa terhadap adik anda kerana mereka masih kecil. Anda juga sering diminta ibu bapa anda untuk menjaga mereka seperti memandikan, menyediakan pakaian atau menjaga mereka ketika ibubapa tiada dirumah. Hal ini menjadikan tanggungjawab anda bertambah. Jika ini terjadi anda haruslah bertanggungjawab. Anda tidak boleh melepaskan kemarahan kepada adik-adik anda. Jika anda sibuk, anda hendaklah memberitahu mereka dengan cara yang baik.

Masalah kewangan dan ruang tempat tinggal juga boleh membawa kepada

# Pengaruh Sosial Dan Alam Sekitar **REMAJA**



tekanan keluarga. Jika permintaan anda tidak dapat dipenuhi oleh ibu bapa kerana masalah kewangan anda haruslah faham. Anda boleh bersabar atau tidak terlalu meminta sesuatu yang tidak perlu. Jika anda merasakan tempat tinggal anda tidak selesa anda boleh mencari pilihan lain untuk mengulangkaji pelajaran. Anda boleh mengulangkaji di perpustakaan sekolah.

Satu lagi masalah yang mungkin anda hadapi ialah inginkan kebebasan. Anda mungkin merasa ibu bapa anda ingin mengongkong pergerakan anda. Mereka selalu memberi nasihat kepada anda apabila anda meminta izin daripada mereka. Untuk mengatasi masalah ini anda hendaklah berterus terang dengan mereka. Luahkan perasaan anda supaya dapat difahami oleh mereka. Hormatilah batas-batas yang ada sebagai anak dengan ibu bapa. Sikap tidak menghormati ibu bapa adalah sikap yang dibenci disisi agama.

Rakan sebaya merupakan remaja yang mempunyai keperluan sama. Sebagai ahli dalam kumpulan sebaya, setiap remaja akan mematuhi tatasusila perhubungan sesama mereka. Anda tentu mempunyai kumpulan sebaya seumpama ini.

Dalam pergaulan anda dengan kumpulan sebaya, anda selalu menghadapi tekanan yang boleh merunsingkan anda. Kerunsingan ini akan menjejaskan kesihatan anda. Antara tekanan rakan sebaya yang sering anda hadapi ialah kebimbangan, kegiatan dan perkembangan berfesyen.

Rakan sebaya anda adalah kumpulan yang kuat mempengaruhi sahsiah anda. Jika anda tidak diterima oleh kumpulan tersebut, anda akan berasa bimbang. Kegembiraan yang anda harapkan bersama mereka akan hilang. Namun begitu anda juga akan berasa bimbang jika tindakan mereka yang anda fikirkan salah tidak dapat diikuti. Akibatnya anda menghadapi konflik sama ada mengikuti tindakan mereka atau sebaliknya. Jika ini terjadi, anda harus bertindak dengan bijak. Anda tidak seharusnya meninggalkan mereka sebaliknya boleh menasihati mereka dengan menggunakan perkataan yang lembut yang boleh diterima oleh mereka.

Tekanan dalam kegiatan juga akan

membuatkan anda berasa susah hati. Sebagai contoh, jika kebanyakan dari rakan sebaya anda mahu mengadakan rekreasi, sedangkan anda tidak mempunyai basikal, akan membuat anda susah hati. Anda terpaksa mencari jalan untuk memenuhi keperluan tersebut. Jika anda tidak berupaya untuk mendapatkan basikal anda terpaksa memberitahu mereka bahawa anda tidak dapat menyertai rekreasi tersebut. Anda akan menyertai aktiviti lain yang tidak menyusahkan diri sendiri. Disamping itu anda hendaklah memberikan semangat kepada mereka supaya mencekuri rekreasi tersebut tanpa kehadiran anda. Sikap begini akan menjadikan anda lebih dihormati oleh mereka.

Dalam menentukan fesyen pakaian juga, rakan sebaya akan mempengaruhi anda seperti jenis dan jenama pakaian yang dipakai, fesyen rambut dan cara bertutur. Anda mungkin berasa janggal jika tidak mengikut gaya pakaian mereka. Anda juga mungkin berasa malu jika tidak memotong rambut mengikut gaya mereka. Jika anda tidak mengikuti perkembangan ini, anda mungkin dianggap oleh mereka sudah ketinggalan atau tidak mematuhi kehendak kumpulan. Akibatnya anda akan dipulaukan atau anda sendiri akan menghindar diri dari kumpulan mereka. Jika ini terjadi anda hendaklah pandai menyesuaikan diri. Jika anda tidak dapat membeli pakaian jenama tersebut anda masih boleh berpakaian kemas. Berilah alasan yang betul, jika anda tidak bersetuju dengan fesyen rambut mereka, anda boleh menjelaskan kepada mereka sebab anda tidak mahu memotong rambut yang sedemikian. Elakkan daripada menggunakan perkataan yang boleh menyinggung perasaan mereka.

Semasa remaja anda menghadapi berbagai-bagai persaingan. Antaranya ialah persaingan dalam keluarga, persahabatan, persaingan dalam pelajaran serta kegiatan. Persaingan dalam keluarga boleh terjadi apabila bapa anda menawarkan hadiah sebuah jam tangan kepada anda dan adik beradik anda yang mendapat markah terbaik dalam pelajaran. Dengan ini anda akan belajar bersungguh-sungguh bagi mendapatkan hadiah tersebut. Jika ini terjadi, janganlah anda bertindak

bermusuhan dengan adik beradik anda sekiranya anda gagal mendapat hadiah tersebut. Sebaliknya, anda boleh berkongsi kegembiraan bersama-sama mereka.

Persaingan dalam persahabatan boleh terjadi apabila anda dan rakan anda yang lain berusaha mendapatkan perhatian daripada guru anda. Ini mungkin terjadi dalam pemilihan untuk menjadi pengawas sekolah ketua darjah atau ketua permainan. Sekiranya anda tidak terpilih untuk jawatan tersebut janganlah membenci rakan anda yang memperolehi jawatan tersebut. Anda hendaklah mengucap tahniah dan mematuhi arahan mereka. Berilah kerjasama kepada rakan anda yang telah berjaya.

Persaingan dalam pelajaran adalah persaingan paling kuat mempengaruhi kesihatan anda. Anda mungkin berasa malu jika selalu gagal dalam pelajaran. Sebaliknya jika anda mendapat markah yang baik anda akan berusaha agar markah itu tidak menurun. Persaingan dalam pelajaran boleh merupakan persaingan yang sihat. Persaingan yang sihat adalah persaingan yang baik. Persaingan yang tidak sihat adalah persaingan yang boleh merosakkan persahabatan. Jika ini terjadi kepada anda anda hendaklah mengatasinya dengan sikap yang positif. Anggaplah persaingan tersebut sebagai dorongan bagi anda mencapai kejayaan yang seterusnya.

Persaingan dalam permainan boleh terjadi dalam sesuatu pertandingan. Semua orang inginkan kemenangan dalam sesuatu permainan yang disertainya. Kekalahan adalah merupakan hadiah yang amat menyakitkan hati. Menang atau kalah adalah adat permainan. Ucapkan tahniah kepada yang berjaya. Kegagalan yang diterima hendaklah dijadikan asas untuk memperbaiki mutu permainan. Sikap tidak mahu bertegur sapa kepada yang menang adalah sikap yang tidak baik.

Bagi mengatasi persaingan yang ada, gunakan pengetahuan anda dalam menilai kejayaan dan kegagalan orang lain sebagai panduan. Jika anda berjaya mengawal perasaan anda anda akan dihormati. Sikap anda itu akan menjadi teladan kepada rakan-rakan yang lain.

Oleh: Abu Muhammad

**S**ekiranya anda ingin melihat generasi masa hadapan, maka lihatlah keadaan para remaja dan belia pada hari ini. Begitulah ungkapan yang biasa kita dengar semenjak dahulu hingga kini. Namun, apakah ungkapan tersebut hanya sekadar halwa telinga atau memerlukan suatu agenda yang tersusun untuk membangunkan agama, bangsa dan negara.

Melihat kepada masalah remaja kita hari ini yang begitu mudah terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat, suatu sistem nilai perlu dirangka dan dikaji seterusnya diterapkan kepada mereka. Bukanlah suatu perkara yang mudah untuk membentuk kehidupan para remaja ini. Ia memerlukan kerjasama pelbagai pihak untuk meralisakannya.

Penglibatan remaja di dalam masalah-masalah juvana seperti kes rogol, pergaulan bebas, menghisap ganja, buang bayi dan terbaru isu samseng di sekolah dan budaya membuli seharusnya menimbulkan kebimbangan kepada kita bagaimanakah bentuk generasi yang akan mewarisi dan mewarnai budaya kehidupan yang akan kita tinggalkan ini.

saing di samping mempunyai sikap toleransi, berilmu dan beramal dengan ilmu yang dimilikinya.

Jiwa remaja era moden ini sering memberontak akibat dari tekanan keluarga atau disebabkan tekanan-tekanan lain. Sebagai alternatif rawatan jiwa mereka, ibu bapa perlu memainkan peranan dengan mendidik mereka memahami dan menghayati dasar-dasar ajaran Islam. Mereka perlu ditanamkan dengan aqidah yang kuat supaya mereka mempunyai suatu pegangan yang kukuh lagi mantap. Dengan adanya pegangan kuat terhadap agama,

agama, persoalan pembinaan akhlak juga harus ditekankan. Bimbingan berterusan untuk membina akhlak para remaja ini perlu menjadi prioriti setiap masa dan zaman.

Nabi Muhammad s.a.w. diutuskan sebagai penyempurna kepada akhlak yang baik. Menurut Prof. Dr Yusuf al-Qaradhaawi, kehadiran Nabi Muhammad s.a.w adalah pencetus kepada kehidupan yang saling berimbang di antara hati dan akal, antara iman dan ilmu, antara ruh dan material, antara individu dan soial dan diantara hak Rabb dan hak diri. Baginda



## Memperkasa Agenda Pembinaan Insan Terhadap Remaja Masa Kini

Harapan kita untuk melihat generasi akan datang boleh mencipta nama di persada antarabangsa mungkin lenyap begitu sahaja. Sekiranya kita mengabaikan ciri-ciri pembinaan insan aqidah, akhlak dan ilmu, maka sudah tentu kehancuran bangsa akan terus berlaku. Kini sudah tiba masanya untuk kita memperkasa agenda ini bagi merealisasikan matlamat melahirkan para remaja dan belia yang berdaya maju dan berdaya

remaja tidak lagi mudah terjerumus menjalankan kegiatan-kegiatan yang tidak berfaedah. Secara tidak lansung, jatidiri mereka akan terbentuk, ketrampilan mereka lebih jelas dan yang lebih utama mereka mendapat suatu keyakinan bagi menyekat sebarang budaya luar menyerap masuk mempengaruhi dan meracuni pemikiran mereka.

Selain dari penekanan terhadap aqidah dan pegangan mereka kepada

s.a.w diutuskan sebagai petunjuk bagi manusia dan pemisah di antara perkara hak dan batil.

Di antara akhlak terpuji Rasulullah s.a.w ialah sifatnya yang suka beribadah, tidak meninggi diri, zuhud, bersederhana di dalam semua perkara, gemar mengucap syukur, bertindak sebagai bapa dan suami yang ideal, suka memenuhi hak jiran tetangga dan rakan, sikap kepimpinan yang sangat baik dan sebagainya.

Sekiranya penekanan akhlak yang mendalam diberikan untuk membentuk jiwa remaja, nescaya mereka akan lebih bertanggungjawab meneruskan kesinambungan pembinaan masyarakat yang bertamadun, seimbang dari sudut duniawi dan ukhrawi.

Manakala asas pokok pembinaan yang seterusnya ialah tahap keilmuan yang perlu diberi penekanan kepada para remaja yang akan mewarnai situasi masyarakat Malaysia suatu hari nanti. Mereka perlu dilengkapi dengan ilmu yang sifatnya pelbagai, fleksibel dan memenuhi kehendak zaman. Ilmu adalah pembuka jalan kepada para remaja untuk menentukan corak kehidupan yang akan mereka lalui nanti.

Contoh yang jelas menunjukkan Islam memberi penekanan kepada ilmu pengetahuan ialah berdasarkan wahyu pertama yang diturunkan ke atas baginda Rasillah s.a.w. di dalam surah al-Alaq yang dimulai dengan perkataan 'iqra', yang membawa maksud 'bacalah'. Sekiranya dihuraikan ayat ini, maka akan jelas bahawa penafsiran yang paling tepat ke atas perkataan 'Iqra' ialah soal keilmuan, di mana membaca merupakan syarat utama untuk mendapatkan ilmu.

Maka amat wajar remaja pada hari ini didedahkan dengan berbagai-bagai ilmu dan tidak hanya tertumpu kepada bidang-bidang tertentu sahaja. Sebagai contoh, pelajar yang berada di bangku sekolah, perlu diterapkan dengan ilmu kepimpinan, ilmu pembinaan syaksiah dan akhlak agar mereka betul-betul mantap dan berkemahiran dalam soal pengurusan dan pentadbiran organisasi. Ini sebenarnya sebagai suatu persediaan bagi mereka sebelum berada di alam realiti.

Remaja juga harus peka dengan perkembangan semasa di mana sumber mendapatkan ilmu adalah pelbagai. Ledakkan teknologi maklumat umpamanya, telah menjadikan sifat ilmu itu bertambah kompleks dan setiap maklumat berada di hujung jari sahaja. Sebarang maklumat yang mereka kehendaki, boleh didapati terus melalui internet yang mana ledakannya telah merobohkan pintu sempadan dan telah menjangkau batasan geografi, masa dan tempat. Namun pengarah yang betul dan adab-adab ketimuran di dalam menggunakannya perlu ditekankan

agar mereka tidak sebarangan mengakses kepada perkara-perkara yang tidak memberikan faedah.

Tidak hairanlah di dalam Islam kedudukan orang yang berilmu itu jauh berbeza dan begitu istimewa berbanding dengan mereka yang tidak berilmu atau jahil. Allah s.w.t telah berfirman di dalam al-Quran yang bermaksud: *"Dan tidaklah sama orang yang buta dengan orang yang melihat, dan tidak pula sama gelap gelita dengan cahaya, dan tidak sama di antara orang-orang yang hidup dan orang-orang yang telah mati".* ( Al-Fathir: 19-22)

Orang yang jahil samalah seperti orang buta dan berada dalam gelap gelita. Mereka diibaratkan sebagai terik panas yang membakar dan mereka ini seolah-olah seperti orang yang telah mati. Kehadiran mereka dalam masyarakat tidak mendatangkan apa-apa kesan sama ada kemanfaatan atau kemudharatan. Berbanding dengan orang yang berilmu pula, mereka diibaratkan sebagai orang yang celik lagi berada dalam keadaan cahaya yang terang benderang. Mereka menjadi peneduh yang melindungi dari panas matahari dan hadirnya mereka sama seperti orang hidup. Golongan berilmu ini sentiasa dinanti-nantikan oleh masyarakat untuk menjadi pembimbing ke arah jalan yang lurus dan benar.

Muhammad al-Fadhil, seorang ahli sufi berkata: Musnahnya Islam, negara dan suatu bangsa itu adalah di tangan empat golongan manusia iaitu:

**( i ) Manusia yang tidak mengetahui apa yang seharusnya diketahui.**

**( ii ) Manusia yang mengamalkan apa yang tidak diketahui**

**(iii) Manusia yang tidak mengamalkan dan tidak mengetahui**

**(iv) Manusia yang menghalang orang lain untuk mendapatkan ilmu pengetahuan**

Ibn Qayyim menjelaskan bahawa golongan yang pertama ialah yang mempunyai ilmu namun mempraktikkan ilmunya. Golongan kedua ialah ahli ibadah yang jahil.



Golongan ketiga ialah orang yang tidak mempunyai ilmu dan tidak pula mahu melakukan sesuatu. Golongan keempat pula adalah orang yang mewarisi sifat iblis di muka bumi ini.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab ke atas kita untuk menyelamatkan generasi akan datang, iaitu remaja hari ini daripada termasuk dalam empat golongan yang disebutkan tadi. Sekiranya remaja ini dibekalkan dengan ilmu yang cukup dan dibangunkan di dalam diri mereka dengan nilai-nilai akhlak yang mulia, sudah tentu perbuatan-perbuatan keji yang tidak berfaedah dapat dihindarkan. Tentu mereka akan berfikir bagaimana cara untuk berbakti kepada agama dan masyarakat seterusnya berusaha untuk memajukan negara. Kita tidak mahu melihat mereka ini anti establishment melalui tanpa berfikiran panjang. Kita mahu dan menginginkan remaja yang ada pada hari ini mempunyai wawasan, misi dan visi yang ingin dicapai.

Oleh: NORFARANI IBRAHIM

"Mama, kerja ini tidak hina, lagi pun ini minat Idah," Ujar Idah separuh merayu. Dia merenung wajah ibunya yang berusia hampir setengah abad. Wajah itu berkerut. Tiada garis senyuman yang tulus.

"Banyak lagi kerja lain, Idah," pintas Puan Halija dengan nada tegas.

"Bagilah peluang pada Idah mama, Idah nak bina kerjaya Idah sendiri tanpa bergantung pada orang lain, atas usaha Idah sendiri."

"Tak bergantung pada orang lain kau kata, hari-hari pergi ketuk rumah orang, bukan minta sedekah namanya."

"Mama!, sampai hati mama kata begitu, Idah seikhlas mama, Idah tak harap balasan orang, pemberian mereka bukan pinta Idah."

"Idah, dengar sini, sekali lagi mama cakap, mulai dari hari ini, jangan sekali-kali cuba minta sedekah lagi. Tak ada guna belajar tinggi-tinggi tapi kerjanya harap belas ihsan orang."

Lidah Idah menjadi kelu mendengar bantahan ibunya. Hati Idah terasa pilu. Idah tahu ibunya memandang rendah

pada golongan yang sama dengan Idah, golongan yang bergelar ustazah, apatah lagi tidak bertauliah dan mengajar dari rumah ke rumah. Di mana salahnya golongan seperti kami yang ingin menolong mereka yang jahil untuk mengenal Kalam Allah? Siapa yang akan membantu anak-anak kawasan setinggan yang dahagakan ilmu agama, siapa yang akan menjengah ibu-ibu tua untuk mengingatkan kembali ayat-ayat al-Quran.

"Kenapa mama halang Idah mengajar? Kan bagus kalau dia boleh menolong orang ramai dari memerap di rumah?" ujar Lokman sebaik sahaja mendapat tahu berita itu dari adiknya. Lokman abang sulung Idah, seorang arkitek yang berjaya.

"Man, mama tak mahu anak-anak mak belajar di menara gading tapi kerjanya ntah apa-apa. Lagipun dalam keluarga kita, semua anak-anak mak adalah orang yang berjaya, berkelulusan tinggi, berpangkat besar." Puan Halija teringat lagi, bukan senang nak membesarkan anak-anaknya tanpa suami di sisi. Selain Lokman, anaknya ialah Hakimah seorang doktor, Karimah seorang peguam, Daniel juga seorang

peguam dan Faridah... seorang, seorang,... ahh, Faridah bukan ustazah, dia bakal akauntan sesuai dengan lulusannya. Aku sudah hampir berjaya menjadikan mereka manusia yang berguna. Rasa bangga berbungga dalam hati Puan Halija.


"Kerja Ustazah mulia mama, Cuma sesetengah orang pandang kolot sebab ganjarannya tak tinggi macam doktor, arkitek, akauntan yang mama agungkan. Tapi di sisi Tuhan besar balasannya."

"Kerja tu biar orang lain buat, tapi bukan anak mama! Nak cari pahala bukan sekadar jadi ustazah, kerja lain pun dikira ibadah."

"Mama...," pujuk Lokman dengan nada yang lebih lembut.

"Sudah, mama tak nk dengar lagi."

Air mata Idah yang bertakung mula pecah dari empangannya. Nyata usaha abang Lokman anak kesayangan mamanya gagal mencairkan kebekuan hati mamanya. Sudah seminggu lamanya dia terperap di rumah. Banyak masanya dihabiskan bermain buaian di taman kecil kawasan rumah bertemankan sebuah buku untuk dibaca. Sesekali melintas wajah-wajah bersih, tulus dan cilik di ruang matanya. Masih terngiang-ngiang



## Setulus Hati Semerbak Budi

lagi suara halus Muaz, Hakim, Aisya, Siti Hawa, Aidil dan Aizat membaca al-Quran, menghafaz doa-doa yang diajarnya. Anak-anak setinggan yang menjadi anak-anak muridnya. Idah membelek sehelai tudung di ribaanya. Kenangan lalu bermain-main dalam kotak fikirannya.

"Ustazah, mak bagi." Kata Aidil sambil menghulurkan sehelai kain tudung berwarna biru lembut setelah selesai membaca al-Quran. Idah menyambut pemberian itu dengan senang.

"Mak Aisya bagi kuih," kata Aisya pula. Mata yang jernih itu begitu galak memandangnya mengharapkan Idah menerimanya. Aisya berwajah bulat, pipinya gebu dan bermata besar kelihatan comel dengan sepasang baju kurung berbunga merah dan bertudung kuning cair. Tangan Idah membuka bekas yang berisi karipap sambil dikerurumuni anak-anak kecil itu. Menunggu dengan penuh sabar. Idah tersenyum. Sebiji demi sebiji karipap bertukar tangan. Lapar. Hanya seorang sahaja yang belum menjamah.

"Muaz, kenapa diam aje?" Tanya Idah apabila dilihatnya Muaz membisu. Tidak becok mulutnya bercerita seperti selalu.

"Muaz, sakit?" Muaz menggeleng kepala. Kopiah putih yang agak besar dari saiz kepalanya menutup sebahagian besar dahi Muaz yang tertunduk merenung lantai. Idah mendongakkan wajah kecil itu, ada setitis dua air jernih yang menggelusur turun dari pipi yang mulus itu.

"Kenapa?" Tanya Idah memujuk.

"Mu... Muaz tak ada apa nak bagi ustazah." Sebak hati Idah mendengar jawapan itu.

"Ustazah tak minta apa-apa pun dari Muaz. Cuma apa yang ustazah harap, Muaz belajar rajin-rajin. Jangan lupa solat walau di mana kita berada, taat pada ayah dan ibu, jangan sesekali buat jahat, nanti semua orang benci."

Mengajar anak-anak setinggan memang menyeronokkan walau tiada gaji yang setimpal dengan penat lelah. Keletah mereka yang melucukan, lahir dari jiwa yang bersih begitu menghiburkan hati. Lebih mengharukan, mereka begitu menghargai kedatangan Idah mengajar. Ciuman pada tangan ketika bersalam, rajin bertanya dan menghormati Idah menjadikan hatinya sayu meninggalkan mereka. Mama, siapa yang akan membantu mereka kalau bukan Idah. Alangkah baiknya kalau mama sedar anak-anak itu dihalang oleh tembok kemiskinan dalam mencari hidayah-Nya.

"Idah, telefon!" Panggil Zabedah. Pembantu rumah mama yang setia.

"Hello."

"Ustazah." Suara halus itu begitu dikenali oleh Idah. Hatinya melonjak gembira. Aizat!.

"Ustazah, apa khabar?"

"Ustazah sihat. Aizat dan semua anak-anak murid ustazah sihat?"

"Sihat, ustazah kenapa tak datang mengajar? Tiap-tiap hari kami tunggu. Ustazah tak datang-datang juga."

"Ustazah ada masalah sikit. Nanti ustazah datang."

"Ustazah selesaikan masalah tu cepat-cepat. Aizat dah lama tak belajar," ucap Aizat penuh mengharap. Kedengaran suara-suara Siti Hawa, Aisya, Aidil turut menyampuk. Idah tahu mereka menggunakan telefon awam. Berebut-rebut mereka nak bercakap dengan Idah.

"Ustazah cuba dan janji dengan ustazah jangan tinggal solat ye."

"Janji! Lepas solat kami doa ustazah mengajar semula."

Bukan anak-anak murid setinggan sahaja yang menelefon Idah. Ngah Gayah yang tinggal berdekatan dengan setinggan juga hairan Idah tidak datang mengajar seperti biasa. Idah teringat lagi kata-kata Ngah Gayah.

"Idah jangan letih ajar Ngah, kalau Idah letih dan serik, siapa nak bantu Ngah, susah macam mana pun Ngah cuba juga. Yang penting Idah ajar."

Lebih sukar mengajar orang tua dari kanak-kanak. Berulang kali Idah ajar cara sebutan al-fatihah dengan betul, barulah Ngah boleh. Satu minggu satu ayat, perit juga tapi menduga kesabaran sebenarnya. Bukan seorang Ngah Gayah sahaja yang perlu ditatih. Kak Ani, Kak Yam dan Ucu Timah pun begitu. Kerapkali Ucu Timah menceritakan kekesalannya tidak belajar membaca al-Quran dari kecil. Bagi Idah kesedaran bahawa diri itu perlu dibaiki adalah lebih utama. Idah bimbang, tanpanya adakah kesedaran itu akan bertahan?

"Kenapa mama baru menghalang Idah dari mengajar, sedangkan dulu dia tidak pernah buat begitu?" Curah rasa tidak puas hati Idah pada Zabedah yang sibuk menumis. Idah ringan tangan mengupas bawang-bawang dan memotong sayur. Zabedah sendiri tidak menghalang kehendak Idah. Ditegah bagaimana cara sekalipun Idah tetap degil.

"Sebenarnya ada suara-suara sumbang tentang Idah, kalau tak silap mak-mak datin yang selalu bertandang."

"Siapa?"

"Datin Nor dan Puan Rubi. Kata mereka Idah tak sesuai bergaul dengan orang yang tak sama taraf. Idah berkelulusan tinggi dan mesti dapat kerja yang sesuai dengan kelulusan. Dan kata mereka lagi..." kata-kata Zabedah

terhenti sebentar.

"Apa yang mereka kata lagi?" Tanya Idah dengan tidak sabar.

"Mereka kata, jadi ustazah kolot." Idah terlopong mendengar kata-kata Zabedah. Dia beristighfar. Kolot! Mendidik jiwa anak-anak yang bersih mengenal Tuhan suatu yang kolot? Manusia apakah mereka ini. Mahukah mereka lihat anak-anak itu membesar tanpa mengenal Tuhan atau dalam hati mereka nama Tuhan itu hanya diingat ketika mati, ketika susah, ketika sakit, ketika miskin dan ketika dalam kesempitan. Fikiran Idah berkecamuk dengan tuduhan itu. Manusia apabila meletakkan Tuhan di belakang maknanya dia bertuhankan nafsu. Benarkah? Wal iazubillah.

"Idah!"

"Mama," ucap Idah terkejut. Tak disangkanya mama pulang secara tiba-tiba. Muka Zabedah pucat.

"Kau nak belajar jadi orang gaji pula," sindir Puan Halija dengan nada yang geram bercampur marah.

"Dan kau pula Zabedah, tak menang tangan nak buat kerja rumah ni sendiri, kenapa biarkan Ida buat kerja-kerja dapur ni," soal Puan Halija, marah.

"Mama, Kak Za tak bersalah, Idah yang nak tolong, Idah bosanlah duduk di rumah," ujar Idah memujuk.

"Sudah! Mama tak mahu dengar apa-apa lagi, mama akan bincang dengan tuan Malik tentang kerja Idah."

Mendengar nama tuan Malik Idah menjadi seram. Nama seorang hartawan yang terkenal dengan perniagaan peringkat antarabangsa yang suka berfoya-foya. Mama, jangan korbankan anakmu kerana harta, itulah yang Idah harapkan. Dia tahu mama mudah terpengaruh dengan kawan-kawannya Datin Rosmini dan Puan Kartika yang suka bersosial bebas. Merekalah yang memperkenalkan mama dengan Tuan Malik. Alangkah baiknya kalau papa masih ada.

"Ini keputusan mama. Jangan ingkar."

"Tidak mama," Isak Idah.

"Aku kata tanggalkan tudung tu. Tuan Malik tak suka pekerjaanya bertudung!"

"Jangan mama! Jangan!"

Idah tersentak. Rupanya dia bermimpi. Ahh... masih belum masuk waktu subuh. Dia segera bangun, membersihkan diri dan menunaikan solat malam. Idah berdoa panjang. Penuh khusuk dan harapan. Moga aku dapat lagi berjumpa dengan anak-anak setinggan itu.

Sudah dua minggu Idah tak mengajar. Jauh di sudut hatinya dia terasa kehilangan. Sepi hatinya tanpa gurau senda anak-anak kecil itu. Hanya seorang

sahaja yang akan bergembira jika dia tak mengajar. Fatin Hanum anak Dr. Safinah. Tentu dia bersorak riang tidak perlu merangkak-rangkak membaca, tidak perlu bermacam muka dengan Idah jika disuruh membaca berulang kali. Degilnya Fatin Hanum jauh berbeza dengan anak-anak setinggan. Malahan setiap kali kaki Idah menjejak ke banglow itu, dia disambut dengan kerenah yang tidak sopan. Pernah sekali Idah ditengking oleh Fatin Hanum ketika Dr. Safinah tiada sewaktu mengajar.

“Kenapa datang?” jerkah Fatin Hanum sebaik sahaja kak Umi pembantu rumahnya datang membawa Idah ke ruang tamu.

“Kan hari ni ada subjek sirah Nabi,” balas Idah tenang.

“Fatin tak minat, apa guna belajar sirah Nabi, *nothing!* buang masa aje, lebih baik tengok *movie*.” Kata Fatin dengan nada yang bosan.

“Fatin, Nabi contoh terbaik untuk kita, kalau kita tak kenal, jejak siapa yang Fatin nak ikut,” jawab Idah mengepung kesabaran.

“Baiklah, ustazah, Fatin tak ada mood nak belajar. Kalau nak duit boleh minta dengan mama.”

“Fatin, ustazah datang bukan kerana duit, tapi nak Fatin tahu yang mama Fatin kepingin Fatin pandai tentang al-Quran.” Bagi Idah wang tiada nilainya jika ilmu yang diberi bagi mencurah ke daun keladi.

Akhirnya Idah pulang. Sia-sia dia mengajar jika Fatin memekakkan telinga, membatukan diri. Bukan sekali dua Fatin bersikap demikian. Namun Idah tidak putus asa, selagi ada peluang dia akan mengajar Fatin walaupun sepatah kata. Doanya pasti suatu hari hati Fatin akan lembut. Jiwa kecil berusia 11 tahun itu masih muda dan mentah, boleh dilentur, Cuma mengambil masa membuang karatan-karatan keangkuhan yang terbina dari kemewahan hidup. Idah tahu bukan semua mereka yang kaya angkuh, ada juga yang baik dan sederhana seperti Meor Azman, anak kecil yang dilatih menghormati orang tua sejak kecil tanpa membezakan kelas sosial. Pernah beberapa kali Meor Azman dibawa belajar dengan anak-anak setinggan. Dia mudah bergaul mesra walaupun pada mulanya malu-malu kucing. Meor anak manja Dato’ Meor Imran sanggup membonceng motorsikal Idah untuk berjumpa dengan anak-anak setinggan. Merengek-rengok dia jika Idah tak benarkan ikut bersama.

“Mama, minggu depan hari lahir Idah. Boleh Idah buat majlis,” pinta Idah.

“Elok juga, boleh mama jemput kawan-kawan mama, lebih ramai lebih meriah,” kata mama. Dia berfikir suatu.

“Mama pun nak bincang sesuatu dengan Datin Rosmini,” ucap mama lagi.

Hati Idah melonjak gembira, pantas

dia menyenaraikan tetamu istimewa. Pada Pak Hasan dikirirkan pesan untuk anak-anak setinggan. Jari-jemarinya sibuk menekan butang telefon. Meor Azman melonjak gembira mendengar suara ustazahnya. Kak Yam, Kak Ani, Ngah Gayah dan Ucu Timah sepakat untuk datang bersama. Cuma Fatin Hanum sahaja yang masih dingin. Namun Idah tidak terasa hati, karenah Fatin memang dia sudah maklum.

Hidangan sudah siap. Idah dan mama berpakaian cantik dan kemas. Beberapa tamu sudah sampai. Antaranya Datin Rosmini, Puan Kartika, Datin Nor dan Puan Rubi. Mereka berbincang sesuatu dan adakalanya diselangi gelak ketawa. Seketika kemudian Dr. Safinah sampai bersama suaminya dan Fatin Hanum.

“Puan bertuah ada anak yang baik seperti Idah, kalau Fatin Hanum boleh ikut jejak langkah Idah, sejuk hati saya,” ujar Dr. Safinah sebaik sahaja diperkenalkan kepada ibu. Puan Halija tersenyum mendengar pujian itu.

Belum sempat mereka berceloteh panjang, suara halus Meor Azman memberi salam, berlari anak kecil tujuh tahun itu memeluk Idah, menyalami dan mencium hormat tangan Idah. Dato’ Meor Imran dan Datin Habibah tersenyum.

“Dia rindukan Ustazah Idah, hari-hari asyik bertanya ustazah dia, nak dengar cerita Nabi katanya,” ujar Dato’ Meor Imran. Puan Halija terkedu seketika. Fatin Hanum menjeling tajam. Datin Rosmini, Puan Rubi dan Puan Kartika saling berpandangan. Mereka tahu Dato’ Meor Imran orang berpengaruh dan Puan Halija sendiri tidak menyangka anak Dato’ Meor Imran adalah murid Idah. Meor Azman menarik tangan Idah. Katanya ada hadiah istimewa untuk Idah. Sebaik sahaja Idah tiba di muka pintu, Idah tersentak. Wajah-wajah yang dirindunya sedang tersenyum di depan mata. Pantas Aizat, Aidil, Aisya, Muaz, Siti Hawa dan Hakim berebut-rebut menyalami Idah dan mencium tangannya. Air matanya tumpah. Siti Hawa mengesat air mata itu.

“Idah,” terdengar panggilan mama ketika dia sibuk melayan anak-anak kecil itu. Terlupa seketika pada tetamu-tetamu yang lain.

“Mama, boleh Idah bawa mereka masuk?” pinta Idah dengan nada penuh hormat. Puan Halija merenung satu demi satu wajah-wajah kecil yang jernih dan bersih. Dia mengangguk perlahan. Seorang demi seorang datang dan mencium tangan Puan Halija sambil mengucapkan terima kasih. Tersentuh hati Puan Halija. Tertibnya anak-anak ini.

“Ustazah, ini hadiah dari kami,” ujar Aisya. Hulus Aizat sekeping lukisan yang dilekatkan kulit-kulit siput dan kerang

berbentuk hati dan ucapan hari lahir. Idah terharu.

Seketika kemudian terdengar geseran kerusi roda di lantai. Suara tua memberi salam, Puan Halija terpingga.

“Ini rumah ustazah Faridah?”

“Ya, dia anak saya.”

“Ucu Timah,” pintas Idah meluru pada Ucu Timah yang berada di atas roda, mencium pipi tua yang kian uzur itu. Kak Yam dan Kak Ani memeluk Idah. Idah sibuk melayan tetamu-tetamunya. Dr. Safinah mendekati Puan Halija.

“Alangkah baiknya jika Idah mengajar lagi. Malu untuk saya katakan, bukan untuk Fatin Hanum sahaja, tapi untuk saya,” ujar Dr. Safinah.

“Maksud Dr. Safinah?” Tanya Puan Halija.

“Tak ada guna menyuruh anak ketam berjalan betul sedangkan ibunya berjalan serong. Itulah kekurangan saya, ingin Idah menjadi guru anak saya kembali dan menjadi guru saya juga,” pinta Dr. Safinah merendah diri.

“Saya hanya dipandang tinggi di mata masyarakat, tapi di sisi Tuhan, saya malu dengan kekurangan saya, saya malu dengan anak-anak tadi, dengar khabarnya mereka fasih membaca al-Quran,” sambungnya lagi. Puan Halija terdiam, permintaan Dr. Safinah itu menusuk hatinya. Benarkah Idah mengajar semula bererti membenarkan suara-suara sumbang itu kembali menerjah ke telinganya. Tapi kenapa perlu aku takut dengan suara-suara sumbang itu? Bukannya aku membiarkan anak aku menjadi pelacur, tapi pendidik jiwa manusia. Salahkah Idah membentuk jiwa-jiwa itu ke jalan kebenaran? Puan Halija berkira-kira sendiri.

“Mama, terima kasih, benarkan Idah berjumpa dengan mereka, ini adalah hadiah yang paling istimewa buat Idah,” ujar Idah mengucup dahi ibunya dan mencium pipinya setelah tetamu-tetamu pulang. Puan Halija memeluk Idah.

“Idah adalah anak mama yang istimewa bukan untuk mama sahaja, tetapi juga untuk orang lain,” balas Puan Halija. Idah menatap wajah mamanya dengan penuh tanda tanya.

“Mama benarkan Idah mengajar,” sambung Puan Halija. Rasa terharu membuak dalam hati Idah. Lantas dia memeluk erat mamanya.

“Dulu mama juga dari kalangan miskin, sewajarnya mama memahami kesusahan mereka,” ucap Puan Halija lagi.

“Terima kasih, mama. Inilah hadiah yang istimewa untuk Idah,” balas Idah. Terasa awan mendung berarak pergi dan cahaya mentari memancar indah.

M  
A  
T  
S  
E  
L  
A  
M  
A  
T



Susunan: Amida Abdulhamid

**M**akanan yang kita makan ialah bahan bakar dalam badan kita yang membekalkan tenaga yang kita perlukan untuk semua yang kita lakukan. Bekalan tenaga yang tidak digunakan semerta akan disimpan dalam badan kita untuk kegunaan masadepan; bekalan tenaga ini akan terkumpul dalam bentuk lemak. Cara untuk mengurangkan berat badan dalam bentuk lemak ini ialah dengan makan makanan yang mempunyai kalori yang kurang daripada yang dapat badan kita bakar (gunakan).

Apabila bentuk dan perisa makanan yang kita makan akan menjadi sumber bahan bakar untuk pelestarian (survival) hidup kita. Apa sahaja yang kita makan akan digunakan badan kita iaitu dengan

memecahkan makanan itu menjadi nutrisi dan menukarkannya kepada tenaga.

Tenaga dalam makanan terdapat dalam tiga bentuk: protein, karbohidrat, dan lemak. Tenaga ini disukat menggunakan kalori dan juga menggunakan sukatan kilojoule. Dalam setiap kalori terdapat 4.2 kilojoule.

Pada kesempatan ini kita cuba memahami apa yang berlaku kepada makanan apabila makanan itu masuk ke dalam badan kita. Istilah metabolisma digunakan untuk merujuk kepada perubahan-perubahan fizikal dan kimia yang berlaku dalam badan kita yang membuat badan kita berfungsi.

Proses metabolisma terbahagi kepada dua kategori utama: pemecahan kimia kompleks kepada bentuk mudah supaya tenaga dapat dilepaskan; dan pembinaan bahan kompleks dalam organ-organ dan tisu untuk menyimpan tenaga atau membantu

tumbesaran dan pembaikpulihan.

Kadar metabolisma badan beroperasi (menukarkan makanan kepada tenaga) disebut sebagai kadar metabolik. Tenaga yang kita gunakan untuk berbasikal adalah lebih banyak daripada tenaga yang digunakan untuk duduk bersantai. Menurut penelitian, kaum wanita membakar kalori lebih lambat daripada lelaki.

Menghadam makanan juga memerlukan tenaga. Makanan yang tinggi kandungan lemaknya memerlukan kurang tenaga untuk dihadam berbanding dengan menghadam protein atau karbohidrat.

Semua jenis makanan membekalkan kalori dalam kadar yang berbeza. Sebiju buah epal yang mengandungi lebih banyak air mempunyai lemak yang rendah dan kaya dengan serat. Makanan yang digoreng, terutamanya digoreng dalam minyak, akan menaikkan nilai kalori makanan berkenaan demikian.

# Makanan dan Berat Badan





Sekiranya jumlah kalori daripada makanan kita itu bersamaan dengan jumlah kalori yang kita gunakan untuk aktiviti harian kita, maka berat badan kita akan jadi stabil. Di sebaliknya jika kita makan lebih kalori daripada yang diperlukan usia, saiz, dan gaya hidup kita, maka lebih kalori itu akan disimpan sebagai lemak badan. Dengan cara itu berat badan kita akan bertambah.

Justeru jika kita makan kurang kalori daripada kadar biasa, tetapi berterusan atau berlebihan tahap aktiviti harian kita, maka simpanan lemak kita akan kehabisan untuk membekalkan tenaga lebihan. Dengan kaedah ini berat badan kita akan menjadi susut.

Apabila kita beriadah, otot kita menukarkan tenaga yang disimpan dalam badan menjadi kumpoun yang membolehkan kita bergerak dan mengeluarkan haba badan. Bahan bakar yang penting untuk proses ini ialah karbohidrat dan lemak. Badan kita menyimpan karbohidrat sebagai glycogen dalam otot dan hati kita.

Ada waktunya kita berasa amat letih ketika bersenam. Hal ini terjadi mungkin disebabkan kehabisan simpanan karbohidrat dalam badan. Apabila simpanan karbohidrat kehabisan, maka badan kita akan menggunakan simpanan lemak kita dan memulakan proses metabolis asid lemak untuk mengeluarkan tenaga.

Pada suatu ketika dahulu, makanan yang mengandungi karbohidrat dikatakan sebagai makanan yang menggemukkan badan. Penemuan mutakhir menyanggah pendapat demikian; malah makanan berkarbohidrat dianggap sebagai makanan yang baik untuk kita. Menurut

penemuan mutakhir, makanan berkarbohidrat seperti roti, pasta, capati, bijirin, dan nasi seharusnya dijadikan makanan ruji kita.

Kita boleh makan sup dengan roti; tetapi jangan disapu roti itu dengan mentega! Makan cara ini dapat membantu penambahan dalam glukos darah sepanjang hari – gula dalam darah akan jadi seimbang dan kita akan mengurangkan selera untuk makan berlebihan.

Makanan berkanji juga boleh mengenyangkan. Jika makanan ini dimasak menggunakan minyak (lemak) yang paling sedikit, maka makanan itu boleh menjadi makanan sihat yang rendah kandungan kalorinya.

Buah-buahan dan sayur-sayuran juga menyumbang kepada kesihatan dan berat badan yang stabil. Buah-buahan dan sayuran memiliki nilai nutrisi yang tinggi, kaya dengan vitamin terutamanya A, C dan E, kaya dengan galian seperti kalsium, magnesium dan potassium serta zat besi. Makanan ini juga kaya dengan antioksidan yang boleh bertindak sebagai pertahanan menentang kanser dan penyakit jantung.

Dua jenis makanan ini juga tidak mengandungi lemak, rendah kandungan kalori, dan menjadi sumber terbaik bagi serat.

Matlamat paling unggul ialah makan sebanyak lima atau lebih hidangan buah-buahan, atau kira-kira 400 gram setiap hari. Kita boleh makan buah-buahan dan sayuran sama ada dalam bentuknya yang asli atau dimasak. Kita boleh makan sayuran dalam bentuk ulam – kacang panjang, kacang botol, pucuk gajus, pucuk ubi, salad.

Buah-buahan pula boleh dimakan dalam bentuknya yang asli atau yang ditin, dikeringkan atau dalam bentuk jus. Pastikan

yang kita minum jus asli dan elakkan produk buah-buahan dalam bentuk drink, nectar, atau cocktail. Produk berkenaan mengandungi lebih banyak gula dan air.

Sebelum kita cuba mengubah gaya hidup dan kebiasaan makan untuk mengurangkan berat badan supaya bersesuaian dengan umur, saiz, dan tinggi kita, maka adalah lebih baik kita membuat persediaan minda dulu. Kita harus bersikap realistik dan senaraikan matlamat yang mahu kita capai – berupaya menajejar dan menaikinya, berasa dan kelihatan cantik/kacak dan menawan, kurang tercungap-cungap, merendahkan kolesterol darah, atau dapat memakai pakaian kegemaran kita yang agak lama tidak dipakai.

Dengan matlamat yang realistik ini, tidaklah kita berangan-angan untuk kelihatan seperti seorang model; tetapi kita lebih berharapan untuk menjadi lebih bertenaga, berat badan yang berkurangan itu boleh menjadikan kita berkeyakinan, lebih bertenaga dalam pekerjaan dan aktiviti harian. Perubahan berat badan ini juga mungkin boleh mempengaruhi hubungan kita dengan ahli keluarga, dan rakan-rakan.

Beberapa panduan dapat diperturunkan untuk membantu kita mengurangkan berat badan supaya bersesuaian dengan umur, saiz, tinggi kita: Banyak-banyak bersabar: badan mengambil masa untuk menambah berat, maka akan mengambil masa juga untuk mengurangkan berat badan itu;

Timbang badan seminggu sekali; Makan seperti biasa – jangan tidak makan langsung pada waktu makan; Jangan membeli belah apabila kita lapar; Elakkan makan ketika menonton tv; makan di meja makan dan pastikan yang kita tahu apa yang kita makan; Hidang makan dalam pinggan kecil supaya hidangan itu nampak banyak; Apabila terasa mahu makan, buat perkara lain seperti bersiar-siar, mandi, membaca novel, melukis; Pastikan yang kita banyak bersenam seperti berjalan agak cepat, gunakan tangga, pergi berenang. Tigapuluh minit berenang setiap hari akan meningkatkan stamina dan kekuatan badan.

# Mengenali Identiti Remaja

Oleh : Munirah Athirah Hj Osman

**E**ra remaja merupakan era yang penuh dengan warna-warna keriangannya dihiasi liku-liku kehidupan dan seribu rintangan untuk ditempuhi sehingga adakalanya mereka tewas dibuai keindahan alam remaja. Akhirnya tenggelam sebelum sempat mewarnai masa depan. Oleh itu, penulis tampilkan tentang identiti remaja yang perlu dititikberatkan.

Membentuk personaliti merupakan salah satu aspek yang amat penting dalam kehidupan seseorang terutama kelompok remaja dalam kehidupan masyarakat kerana remaja dianggap sebagai generasi bagi yang lama. Ia juga turut dipengaruhi oleh keadaan sekeliling. Personaliti yang baik mengikut kacamata islam ialah wujudnya unsur jasmani dan rohani. Apa yang pasti keindahan jasmani hasil ketentuan Allah swt. Manakala keindahan rohani bergantung kepada usaha manusia itu sendiri mengikut acuan dan tuturcara yang telah ditentukan oleh yang Maha Esa.

Akhlak yang mulia merupakan natijah iman yang sebenar. Manakala Islam pula meletakkan akhlak sebagai intipati segala ibadah. Akhlak bukanlah persoalan yang abstrak meskipun pernah dibincangkan oleh tokoh-tokoh filasof masa lampau seperti Socrates, Plato dan Phytagoras. Ia tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan manusia sejak zaman berzaman.

Sayugianya, setiap amalan yang dilakukan oleh manusia tidak terlepas dari memperkatakan sifat-sifat mahmudah dan sifat-sifat mazmumah. Setiap masyarakat, bangsa dan agama mempunyai hukum hakam akhlak mereka sendiri. Sebelum kedatangan Islam, akhlak adalah suatu skop yang luas.

Pernyataan 'personaliti' sekarang ini digunakan dalam pelbagai bidang. Apabila dikatakan personaliti individu akan tergambar pada minda seseorang akan tingkah laku, cara percakapan dan gerak laku. Apabila membuat penilaian tentang personaliti individu, faktor-faktor dalaman dan luaran yang boleh





mempengaruhi mereka. Hal ini mula menyinggah apabila bergelar remaja.

Namun begitu dalam menghadapinya remaja harus meredah onak dan ranjau. Kesabaran dan ketabahan adalah kunci utama sebagai senjata memperjuangkan rekod keimanan. Di tahap remaja, konsep personaliti mereka banyak dirujuk kepada konsep sendiri yang dipunyai mereka.

#### **KONSEP KENDIRI:**

Konsep sendiri merupakan suatu aspek yang abstrak, tidak terus dapat diperhatikan. Di tahap remaja, peranan diri dalam pembentukan sendiri remaja amat penting. Seorang dewasa yang stabil personalitinya terhasil dari pencapaian konsep sendiri positif yang tercapai apabila ia berada di alam remaja. Konsep sendiri berlaku kepada mereka akan merangkumi bentuk-bentuk pemikiran dan perasaan individu terhadap dirinya sendiri dari hasil dan tindak balas orang lain terhadap dirinya yang akan membentuk suatu konsepsi dirinya terhadap masa yang telah berlalu dan masa yang sedang dilalui.

Konsep sendiri remaja berbeza daripada konsep sendiri individu di tahap lain dirujuk kepada konsep hakiki. Di

tahap remaja individu begitu terpengaruh dengan kehendak untuk mencapai hasilnya. Ia merupakan satu jangkauan remaja untuk memiliki idea atau sikap yang paling disukai merujuk kepada penilaian diri sendiri. Malah di peringkat ini mereka sentiasa mahukan diri mempunyai ciri-ciri diri sendiri yang banyak dipengaruhi oleh kehendak dalaman yang kadangkala bercanggah dengan nilai dan norma dalam masyarakat.

Selayang pandang, di peringkat remaja juga adakala tidak dapat dicapai disebabkan ketidakpercayaan diri yang tidak dapat mengatasi segala halangan yang dihadapi. Bahkan mereka tidak menunjukkan sendiri unggul yang mereka ingin tetapi akan disimpan sebagai suatu inspirasi yang akan dicapai pada masa hadapan. Malah terdapat juga remaja yang melaksanakan sendiri unggul yang tidak selari dengan kebolehan diri sendiri. Ini menyebabkan mereka merasai kegagalan apabila jangkauan yang diletakkan terlalu tinggi tidak seperti yang diingini.

Konsep sendiri ini sebenarnya bergantung kepada keupayaan sendiri sepertimana yang dipersepsikan oleh remaja. Mereka seharusnya mempunyai identiti diri yang jelas. Kebanyakan identiti mereka terbentuk dengan baik melalui bimbingan dari ibubapa dan guru.

Kebanyakan keputusan mereka ditentukan oleh orang lain kerana peranan diri sendiri terlalu minimum. Sebahagian mereka dikatakan kurang mendapat tunjuk ajar dan mempunyai motivasi diri yang rendah berhubung dengan identiti diri.

Sebenarnya, remaja terdedah dengan pelbagai identiti yang membolehkan mereka memilih bentuk identiti terbaik melalui pandangan orang ramai ke atas diri mereka. Seharusnya dalam usia begini sebenarnya kebinasaan remaja sering teruji. Kesabaran dan keutuhan peribadi turut tercabar. Remaja sebenarnya harus bijak dalam segala aspek untuk menilai erti kejujuran dalam hal memilih sahabat. Kerana kawan boleh mencorakkan diri kita samada baik dan buruk.

Sememangnya remaja harus ingat bahawa merekalah pewaris yang akan mencorak generasi hadapan. Sekiranya elok kita hari ini maka eloklah generasi akan datang tetapi jika sebaliknya sama-samalah kita fikirkan. Sesungguhnya setiap apa yang dilarang ada hikmah di sebaliknya. Sepertimana peribahasa arab yang bermaksud: 'yang paling disukai manusia itu apa yang terlarang'.

# Thumb Drive

## (Pemacu USB FLASH)

Oleh: Eternal Rose



**melaksanakan pendaftaran dan pengesahan penggunaannya. Sementara Pemacu USB Flash DiskonKey pula dilengkapi pemproses ARM7 32bit yang bertindak seperti komputer mini dan memiliki fungsi pengenkripsian data.**

**T**umb Drive ataupun storan mini merupakan nama komersial bagi Pemacu USB Flash (USB Flash Memory Device). Kini kemampuannya menyimpan ialah dan 32 MB sehingga 2 GB, dianggarkan jika 1 GB saiznya ialah hampir sama dengan 695 keping disket. Dan kemampuan 1 GB juga melebihi dan sekeping CD (cakera padat). Jadi, cuba bayangkan kemampuan menyimpan untuk Pemacu USB mi. Dan kini Pemacu USB Flash menjadi kegilaan bagi pengguna-pengguna yang sentiasa peka dengan perkembangan teknologi pada masa kini. Malahan harganya di pasaran juga adalah harga yang relevan bagi semua golongan. Sebagai contoh Apacer Handy Steno, 256 MB harganya boleh didapati serendah RM155 dan untuk Kingstone, 256MB pula harganya boleh didapati dengan harga RM 135.

Selain harganya yang murah, Pemacu USB Flash hanya bersaiz sebesar ibu jari (dan ada juga yang lebih dari itu), di samping menyediakan penyelesaian yang mudah dan cepat untuk menyimpan. Pemacu USB Flash juga membenarkan penggunaannya berkongsi data simpanan dengan

pengguna yang lain. Malah, Pemacu USB Flash ini mudah untuk di bawa ke mana-mana. Pemacu USB Flash ini juga berbeza dan cakera CD-R, kerana dokumen atau data di dalamnya boleh diedit sekerap mungkin, malah fizikalnya juga tahan lasak.

Pemacu USB Flash ini direka khas untuk kegunaan computer riba (notebook) dan juga computer peribadi. Keperluan minimum yang diperlukan ialah Pentium 200Mhz processor atau lebih, Microsoft windows 98SE, 2000, ME or XP/ 32MB RAM, 64MB serta mempunyai pengkalan USB. Malah untuk pemasangannya tidak memerlukan khidmat tenaga seorang pakar kerana ia terlalu mudah untuk digunakan dan boleh terlepas dan kawalan peranti di dalam rangkaian. Pada masa yang sama, ia memberi satu ancaman untuk mengawal port USB ini dalam rangkaian yang besar. Hal mi kerana terdapat beberapa ancaman yang perlu dititikberatkan oleh semua pihak.

Pemacu USB Flash ini mampu melepasi benteng rangkaian seperti antivirus ataupun "firewall", dan mi menjadi ancaman dan segi penyebaran virus merbahaya. Pemacu USB Flash berpotensi menjadi vektor barn virus yang sukar dibendung dan sukar dikesan. Kebiasaannya, antivirus hanya beroperasi secara reaktif terhadap ancaman dan hanya mengesan virus yang dikenali berbanding dengan virus baru, jadi ini satu ancaman sekiranya Pemacu USB Flash mengandungi virus baru.

Selain virus, pengguna yang menggunakan Pemacu USB Flash juga boleh membawa perisian atau fail data dan rumah yang tidak sepatutnya dibawa ke tempat kerja kerana kemampuan stor penyimpanannya yang besar. Perisian percuma seperti fail MP3, klip

video, malah permainan dan juga fail-fail lain yang tidak bersangkutan dengan kerja mampu dimuatkan di dalam Pemacu USB Flash ini. Secara tidak langsung turut menjejaskan produktiviti kerja individu tersebut.

Malah kecurian data sesebuah syarikat juga menjadi sesuatu yang tidak mustahil untuk berlaku kerana amat sukar untuk disyaki. Hal ini kerana, Pemacu USB Flash ini boleh digunakan di mana-mana komputer yang memiliki port USB. Malah, tempoh masanya amat pantas kerana pada kelajuan 1MB data sesaat, proses penyalinan untuk fail sebesar 120MB dalam Pemacu USB Flash ialah anggaran 2 minit sahaja.

Jadi langkah keselamatan harus diambil seperti sesetengah Pemacu USB Flash berusaha mengeluarkan produk yang telah sedia terbina ciri-ciri keselamatan di dalamnya. Sebagai

contoh Sony Microvault, menyertakan perisian percuma yang membolehkan pengguna mencipta 'zon keselamatan' yang dilidungi dengan kata laluan (password) yang mampu melindungi 80% ruang yang terdapat pada Pemacu USB Flash tersebut. Manakala untuk fail yang tidak dilindungi boleh diisi dengan 'fail teks', mengandungi maklumat perhubungan jika Pemacu USB Flash ini hilang.

Untuk model Trek Thubdrive Touch pula menggabungkan ciri-ciri keselamatan biometrik dengan menyertakan bahagian pengesan untuk membaca cap jari bagi

melaksanakan pendaftaran dan pengesahan penggunaannya. Sementara Pemacu USB Flash DiskonKey pula dilengkapi pemproses ARM7 32bit yang bertindak seperti komputer mini dan memiliki fungsi



pengenkripsian data. Semua ciri keselamatan ini ada kosnya, malah harga pemacu perisian keselamatan ini melebihi dua kali ganda harga Pemacu USB Flash yang biasa.

Segalanya berada di tangan anda, sama ada ingin menggunakan Pemacu USB Flash ini dengan sebaiknya ataupun tidak. Kerana semua perkara ada baik dan buruknya. Kebijaksanaan anda menggunakan sesuatu barang mencerminkan pengetahuan yang kita ada. Selamat menggunakan Pemacu USB Flash, anda tidak tahu jika anda tidak menggunakannya!



# Kepentingan Muhasabah Diri



Setiap individu yang normal itu menginginkan kejayaan dalam hidupnya. Pelajar terutamanya, sudah tentu ingin berjaya dalam pelajaran masing-masing seterusnya mendapat pekerjaan yang baik pada kemudian hari. Walau bagaimanapun tidak semua orang boleh mencapai kejayaan yang diidamkan. Hal ini kerana untuk berjaya seseorang individu itu perlu mempunyai sifat dan sikap yang boleh membawanya ke singgahsana jaya. Dengan perkataan lain personaliti yang berjaya itu biasanya terdiri daripada mereka yang mempunyai ciri-ciri yang positif. Antara sifat-sifat tersebut seperti rajin, dedikasi, tidak mudah kecewa,

proaktif dan berkeyakinan dalam apa jua usaha yang dilakukan.

Selain yang disebutkan satu lagi ciri yang perlu ada ialah sikap bermuhasabah diri. Bermuhasabah bermaksud menegur dan memperbaiki kelemahan yang ada pada diri sendiri. Sebagai manusia kita sunyi daripada kelemahan dan melakukan kesilapan.

Hal ini kerana sifat manusia itu sendiri adalah lemah dan tidak sempurna. Secara zahirnya seseorang itu merasakan dirinya sempurna tetapi sebenarnya dalam dirinya terdapat kelemahan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar atau oleh orang ramai. Tetapi empunya diri

mengetahuinya. Justeru setiap kita perlu mencari kelemahan yang ada. Perlu juga diingatkan mencari kelemahan diri bukanlah untuk mengutuk diri atas kelemahan yang ada. Tetapi adalah untuk memperbaiki kelemahan tersebut supaya kelemahan dapat diatasi.

Bukan semua individu berupaya bermuhasabah. Sebenarnya seorang yang bermuhasabah diri akan mendapat keuntungan yang besar darinya kerana individu seperti ini akan mengetahui daerah-daerah kelemahan dalam diri. Pemeriksaan yang dibuat ke atas diri sendiri tentunya lebih mudah berbanding orang lain yang mencarinya.

Dengan mengetahui kelemahan diri maka seseorang itu boleh memperbaiki kelemahan yang dilakukan selama ini. Misalnya, dengan mempelajari daripada kesilapan (kelemahan) yang pernah dilakukan seterusnya mengatasi kesilapan tersebut supaya tidak berulang lagi buat kali keduanya.

Bermuhasabah diri dengan menegur diri sendiri tentang kelemahan yang ada akan membolehkan seseorang itu mengawal diri supaya tidak menjadi manusia yang riak. Ramai di kalangan kita apabila sudah berjaya dalam hidup seperti menjadi orang kaya atau berpangkat tinggi menjadi angkuh dan takbur lantaran apa yang dikehendaki semua dapat dimiliki dengan mudah tanpa bersusah payah. Lalu kita menjadi manusia yang riak. Sifat riak inilah yang dikatakan sebagai sifat lemah yang ada pada manusia. Manusia mudah kalah dengan kenikmatan yang dikurniakan kepadanya. Sifat yang lemah ini seharusnya diperangi habis-habisan oleh individu kepana sekiranya kita tewas yakni berterusan berada dalam keriyakan akan membawa kepada kekefuran yang sangat dimurkai oleh Allah s. w.t.

Di samping itu dengan cara bermuhasabah membolehkan seseorang itu menjadi maju dan berjaya. Dalam pelajaran umpamanya, seorang pelajar yang baik akan sentiasa menilai dirinya. Kelemahan yang ada pada diri akan cuba diperbaiki dari masa ke masa ke semasa. Misalnya, membuat penilaian ke atas diri adakah usaha yang telah dilakukan untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan sudah dibuat dengan baik atau masih lagi pada tahap yang minimum yang memerlukan ketekunan dan kegigihan yang lebih kuat lagi. Untuk ini juga pelajar bolehlah meminta nasihat daripada orang lain untuk memperbaiki prestasi diri dalam pelajaran seperti daripada guru, rakan sebaya atau ibu bapa.

Jika individu itu pula seorang pegawai atau ketua di sesebuah jabatan, misalnya, beliau sepatutnya boleh menerima pandangan atau buah fikiran kakitangan bawahannya seandainya apa yang disarankan itu mendatangkan kebaikan. Sifat keterbukaan begini sangat berguna demi mempertingkatkan kualiti kerja sakali gus memberikan keuntungan kepada organisasai yang dipimpin.


Wibawa diri juga dapat dipertingkatkan melalui amalan ini. Hal ini kerana, dengan cara mencari kelemahan dan memperbaiki kesilapan diri seseorang itu dari semasa ke semasa akan dapat mempertingkatkan kebolehan dan keupayaan diri. Contohnya, seorang pemimpin, tidak kira di peringkat mana beliau berada, akan dihormati sekiranya beliau berani mengaku kesilapan atau kelemahan yang ada pada dirinya. Sifat begini sekali gus akan menyerlahkan lagi wibawanya sebagai seorang pemimpin kerana beliau dikira sebagai seorang yang jujur dan ikhlas yang menyebabkan pengaruhnya akan melebar luas lagi.

Bermuhasabah akan menjadikan seseorang itu insaf akan dirinya. Kelemahan yang ditemui pada diri menyebabkan seseorang itu mengetahui ada yang lebih berkuasa daripadanya iaitu Allah s.w.t. Rasa keinsafan mendalam ini menjadikan individu sentiasa berada pada landasan

kebenaran sepanjang masa kerana dia tahu walau sebesar mana kuasa yang ada padanya masih ada kuasa yang boleh mengatasinya.

Bermuhasabah sangat penting dalam mempertingkatkan keupayaan diri untuk maju dalam bidang yang diceburi seterusnya menjadi seorang yang berjaya. Di sisi agama pula bermuhasabah akan dapat membendung daripada perbuatan mungkar kerana kelemahan yang ada akan memberi keinsafan kepada kita bahawa kita adalah makhluk yang dijadikanNya dan pada bila-bila masa sahaja boleh 'dibangunkan' dan 'dijatuhkan', mengikut kemahuan Nya.

Tegasnya, bermuhasabah diri akan menyebabkan seseorang individu itu sedar akan siapa dirinya seterusnya akan menjadi manusia yang luhur dan taat kepada Allah s.w.t.



Oleh: ABU NUR AQMAR

Musibah, mala petaka, tragedi dan kepayahan hidup boleh menimpa sesiapa sahaja mengikut kehendak dari Allah s.w.t. Sekiranya perkara sedemikian melanda dan menimpa diri kita, janganlah sekali-kali kita berpatah

hati, berdukacita dan hilang semangat untuk meneruskan hidup. Ketahuilah bahawa segala musibah atau bencana hidup itu sebenarnya merupakan ujian dan cubaan Allah s.w. t ke atas para hambaNya sebagai satu proses

mengangkat martabat keimanan seseorang itu. Allah s.w.t berfirman yang bermaksud: *“Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan dimasukkan ke dalam syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kepapaan dan serangan penyakit serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehinggalah berkatalah Rasul dan orang beriman yang ada bersamanya: Bilakah akan datangnya pertolongan Allah? Ketahuilah sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah.”*  
(Al-Baqarah:214)

Cubaan dan ujian ke atas para hambaNya tidak sama dan datang dalam bermacam-macam cara. Ada yang diuji dari segi batiniah dan ada juga yang diuji dari segi lahiriah. Adakalanya kita disulitkan dengan penganiayaan dan tipu daya majikan, teman-teman, begitu juga dengan orang yang memusuhi kita. Adakalanya juga kita dicuba dengan masalah kewangan dan kerjaya yang runcing. Ada pula yang dicubaNya dengan perkara-perkara yang menyentuh peribadi seperti krisis rumah tangga dan masalah kekeluargaan.

Di akhir ayat di atas, Allah s.w.t telah berjanji bahawa bantuan dan pertolongannya akan sampai jua asalkan kita bersabar dalam menantinya bantuan dan pertolongan tersebut. Dalam penantian yang disusuli dengan ketabahan dan kesabaran ini, Allah s.w.t mahu hamba-hambaNya tetap, setia dan patuh kepadaNya dengan tidak menyimpang dari ajaran Islam yang sebenarnya.

Oleh itu, apa pun bentuk masalah dan bencana yang menimpa kita, percaya dan yakinlah bahawa semuanya itu semata-mata ujian dari Allah s.w.t untuk melihat sejauhmanakah keimanan dan ketaqwaan kita kepadaNya. Bagi mereka yang sabar dan tabah menghadapi semua musibah itu dan dalam masa yang kita dapat membuktikan keimanan kita kepada Allah, maka dia segera menghampiri kita dengan menurunkan apa jua pertolongan Allah, maka dia akan segera menghampiri kita dengan menurunkan apa jua pertolongan serta



## UJIAN ALLAH S.W.T DATANG DALAM PELBAGAI BENTUK

bantuan untuk mengatasi masalah dan bencana yang kita alami itu. Seterusnya, Allah s.w.t berfirman lagi di dalam al-Qur'an yang bermaksud:

*"Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: kami beriman! Dan mereka tidak akan diuji (dengan sesuatu cubaan) Dan demi sesungguhnya, kami telah menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka nyata apa yang diketahui Allah tentang orang yang sebenar-benarnya yang beriman".*

(Al-Ankabut)

Ayat di atas menggambarkan bahawa ujian Allah s.w.t ke atas hambaNya dan keimanan hamba tersebut kepadaNya saling berkait rapat. Jika kita mengaku kita beriman kepada Allah s.w.t. Dengan kata lain, kita masih tidak beriman kepada Allah s.w.t jika kita tidak boleh menerima ujian-ujian dariNya dengan sabar. Apabila kita boleh membuktikan kepada Allah s.w.t bahawa kita tetap bersabar semasa susah sambil terus beriman kepadaNya, maka kita tidak perlu ragu-ragu lagi dengan janji Allah s.w.t yang akan mendekati kita untuk menurunkan apa jua bantuan dan pertolongan.

Sesungguhnya dunia ini dijadikan Allah s.w.t sebagai tempat percubaan dalam segala hal. Kita tidak terkecuali dari diduga dan diuji oleh Allah s.w.t segala ujian yang diturunkan oleh Allah itu akan didirungi dengan ganjaran-ganjaran berupa rahmat sebagai kesudahannya. Besar atau kecil rahmat dan kebaikan nanti bergantung kepada besar atau kecilnya cubaan dan ujia yang diterima hambaNya Allah s.w.t berfirman yang bermaksud:

*"Demi sesungguhnya akan Kami uji kamu dengan suatu cubaan iaitu ketakutan, kelaparan dan kekurangan harta, manusia dan buah-buahan. Dan berilah khabar gembira untuk orang yang sabar (atas cubaan itu). Iaitu orang yang apabila ditimpa sesuatu musibah, mereka berkata: Sesungguhnya kami kepunyaan Allah dan kami akan kembali kepadaNya Mereka itulah yang dilimpahi pelbagai kebaikan dan rahmat daripada Tuhan mereka; dan mereka itulah orang yang mendapat pertunjuk hidayahNya."*

(Al-Baqarah)

Janji Allah dalam ayat tersebut cukup jelas dan terang. Berita-berita gembira serta rahmat dipenghujung ujian itu menanti para hambaNya yang sabar dan menerima ujian tersebut



dengan dada yang terbuka.

Memang sudah menjadi fitrah kejadian manusia di mana Allah s.w.t sengaja meletakkan para hambaNya dalam keadaan keadaan yang penuh dengan kesukaran dan kesulitan supaya dapat diuji keimanan dan kesabaran mereka serta dapat memberi peluang untuk mendekati dan bergantung harap kepada Allah, supaya para hamba supaya para hambaNya dapat melihat kebesaran dan kekuasaanNya dalam mengutuskan bantuan, pertolongan serta rahmat dalam menghadapi segala macam kepayahan itu. Allah s.w.t berfirman yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Kami telah jadikan manusia sentiasa dalam keadaan menghadapi kesulitan dan kesukaran (jasmani dan rohaninya)"* (Al-Balad:4)

Selagi masih ada dunia, selagi itulah dugaan dan cubaan akan terus ada. Jadi, kita tidak perlu hairan akan dugaan yang menimpa kita di dunia kerana dugaan itulah yang akan menguji keimanan kita dan itulah yang mendorong kita untuk mengingati Allah s.w.t. Itulah sebenarnya perancangan Allah s.w.t supaya kita tidak terlalu cenderung kepada dunia yang sementara dan akan lebih cenderung kepada akhirat yang kekal buat selamaselamanya. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang maksudnya:

*"Dunia ini umpama penjara bagi orang yang beriman dan syurga bagi orang-orang kafir"*

Nilai harga syurga itu amatlah tinggi. Rasulullah s.a.w. para nabi sebelumnya dan uga para wali Allah

s.w.t. semuanya telah melalui pelbagai cubaan yang getir. Ada yang dicubaNya dengan kesempitan hidup, kemudaratan tubuh badan dan ada pula yang dicuba dengan kegoncangan jiwa. Semuanya ini didatangkan oleh Allah s.w.t untuk dijadikan ukuran kepada keimanan dan ketaqwaan.

Segala musibah yang diturunkan ke atas hamba-hambaNya bukanlah menunjukkan Allah itu tidak bersifat dengan Maha Pengasih dan Mahan Penyayang bahkan sebenarnya Allah datangkan semua itu kerana Dia mahu semua hambaNya selamat dan mendapat segala kebaikan serta rahmat di dunia dan akhirat. Golongan yang mengaku beriman wajib menerima ujian dan cubaan itu dengan sabar dan tenang. Datangnya segala musibah itu adalah sebagai suatu peringatan atau teguran dari Allah supaya hamba-hambaNya sentiasa mengingatiNya dan taat serta patuh kepada segala perintah dan laranganNya. Inilah sebenarnya kasih sayang Allah kepada kita dan adalah salah jika kita mengatakan Allah tidak menyayangi kita oleh kerana didatangkan musibah ke atas diri kita.

Dengan pemahaman itu, maka luputlah segala kedukaan yang diakibatkan dari musibah hidup kita kerana kita tahu segala-galanya itu Cuma ujian dan cubaan dari Allah s.w.t ke atas kita sahaj. Dalam menghadapi dugaan dan cubaan itu, kita mestilah berusaha untuk lebih mengingati Allah s.w.t di samping meningkatkan tahap kesabaran dalam diri. Yakinilah, rahmat dan kasih sayang Allah akan tiba di penghujung ujian-ujian tersebut.

Oleh: Mohd Rusdi bin Abdullah

Tidak ku sangka dalam umur yang telah menjangkau usia remaja, ada sahabat aku yang bakal menerima seorang kakak ipar dalam keluarganya. Aku sendiri masih lagi tidak mempunyai seorang abang ipar mahupun kakak ipar. Namun, aku sudah merasai suasana kenduri yang sememangnya meletihkan dan menggembirakan.

Aku teringat kisah lama ketika aku mengangkat sedulang pinggan dan gelas yang telah dibasuh. Disebabkan aku tidak dapat mengawal dulang yang aku bawa menyebabkan aku telah memecahkan hampir keseluruhan pinggan dan gelas yang aku bawa ketika itu. Mujurlah ibuku yang berada berhampiran dengan aku ketika itu tidak memarahi aku. Aku bertambah gementar apabila serpihan kaca daripada pinggan dan gelas yang pecah itu masuk ke dalam lauk yang masih banyak lagi. Seperiuk lauk pauk yang ada di hadapan aku ketika itu dibuang. Apa nak buat? Nasi dah jadi bubur. Kalau nak dihidangkan takut pula akan membahayakan orang lain. Manalah tahu kalau mereka termakan kaca pula.

# “Abangku Dah Nak KAHWIN”



## PENGALAMAN PERTAMA

Seorang sahabat aku akan menerima seorang kakak ipar tidak lama lagi. Ini merupakan pengalaman pertama buat keluarga dia menguruskan majlis perkahwinan anak sendiri. Dia sendiri merupakan anak yang ke tiga merupakan orang yang penting juga dalam menyumbangkan buah fikiran. Inilah pertama kali dia terpaksa berbincang dengan orang yang berlainan zaman dengannya. Siapa yang menyangka, seorang remaja dapat bermesyuarat dengan orang yang lebih tua dan juga berpengalaman daripada dirinya sendiri. Aku juga kagum dengan dirinya.

Dia menceritakan bagaimana dia begitu sibuk untuk menempah katil dan juga peralatan lain untuk kegunaan pengantin. Maklum sajalahlah nak jadi raja sehari. siapa yang tidak mahukan peralatan yang baru. Paling kurang, set bilik tidur semestinya ditempah khas. Itu bukanlah satu kelainan dalam masyarakat hari ini, malah telah menjadi adat dan juga menjadi kelaziman bagi setiap mempelai yang akan menjadi raja sehari.

Aku cuba juga memberikan pendapat aku bagaimana hendak menyesuaikan diri dengan majlis sebegini. Sememangnya aku akut bahawa majlis sebegini memerlukan

persiapan yang lengkap dan juga memuaskan hati setiap orang Terutamanya dalam hal makanan. Bukan mudah untuk menyediakan makanan untuk tetamu yang dijemput. Bayangkanlah bagaimana keadaannya sekiranya makanan yang disediakan tidak mencukupi? itulah pentingnya pengalaman supaya keadaan sebegini tidak terjadi dan juga boleh dielakkan,

## KERJA DIMULAKAN

Apabila tamat sahaja mesyuarat bersama dengan mereka yang berpengalaman dan mendapat kata putus, maka bermulalah kerja mengikut tugas masing-masing. Tidak kira ayah, mak, adik ataupun abang. Masing-masing menjalankan kerja masing-masing. Hinggakan anak kecil juga menjalankan tugas mereka, bermain bersama dengan kawan mereka sendiri. Sekurangnya mereka tidak mengganggu orang tua yang sedang bekerja. Namun, jika kanak-kanak tidak ada dalam majlis sebegini, majlis tidak nampak meriah. Seseungguhnya kanak-kanaklah yang memeriahkan lagi majlis.

Sebagai seorang remaja dan juga sebagai anak yang telah meningkat dewasa, Samad tidak pernah melupakan tanggungjawabnya. Dia melakukan sedaya yang mungkin. Jika tidak tahu dia bertanya dan sekiranya ditegur, dia perbetulkan Begitulah anak muda yang mula melibatkan diri dalam majlis perkahwinan. Apatah lagi sekiranya abang sendiri yang akan mendirikan masjid. Dia tidak melaikan diri bahkan dia cuba untuk melakukan perkara yang orang lain tidak lakukan. Bak kata pepatah, jadi jadi seperti pahat dengan penukul. Sekali diketuk, maka sekali itulah akan bergerak. Sekiranya tidak diketuk, maka tidak berjalanlah dia.

Mencari periuk belanga, khemah, menempah kad jemputan dan pelbagai lagi kerja yang dia lakukan bersama dengan abangnya sendiri. Bukan untuk orana lain, untuk abangnya juga. Dalam ketikan dia menceritakan kepada aku, aku terbayang juga bagaimana pengalaman aku ketika keluarga aku menguruskan perkahwinan makcik aku. Aku hanya ditugaskan sebagai tukang tangkap gambar. Abang aku begitu cemburu dengan aku. Almaklum, dia diletakkan sebagai orang yang kena mengangkat makanan dan juga mebasuh pinggan mangkuk sedangkan aku hanya bersiap sedia dengan kamera dan juga filem yang dibekalkan. Jika tidak ada gambar yang hendak diambil maka aku sendiri akan

duduk berehat menunggu pengantin yang akan meminta aku mengambil gambar mereka. Apa nak aku katakan? Itulah kerja yang aku lakukan ketika berjalannya majlis perkahwinan makcik aku itu.

Sememangnya periuk belanga kalau nak dipakai ketika musim cuti sekolah, payah nak dapat. Ramai orang yang mengadakan kenduri kahwin. Bak kata pepatah, siapa cepat dialah yang dapat. Kalau pandai nak cari di mana untuk mendapatkan bekalan, maka di situlah ada jalan. Semuanya bergantung kepada usaha dan juga kesungguhan dalain bekerja. Kalau mengikut pengalaman yang aku jalani, waktu memasak sememangnya seronok. Dapat bergaul dengan pelbagai macam manusia. Memasuh ayam sekali, memasuh beras dan juga mengoreng ayam. Semuanya dilakukan dengan penuh kerjasama dan juga mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Aku cuba untuk menceritakan keseronokan berkenduri. Bukannya apa, sebagai orang yang baru dalam menguruskan kenduri kendara ini, paling kurang dia merasa sedikit gementar. Sekurang-kurangnya apabila aku menceritakan kegembiraan aku menjayakan kenduri kahwin ibu saudara ku, dia dapat merasakan bahawa kenduri kahwin ini satu yang menggembirakan dan bukannya untuk menakutkan.

### **PERSEDIAAN DAH LENGKAP**

Apabila persediaan sudah lengkap, hinggalah tanggungjawab untuk mempelai pula. Akad dan nikah merupakan syarat dalam Islam apabila mereka ingin diijab kabulkan. Sebagai sebuah keluarga yang sederhana. Persiapan dilakukan sekadar ala kadar sahaja. Tidaklah seperti artis popular yang memerlukan belanja yang besar.

Jemputan juga dijemput tidaklah begitu ramai. Sekadar ingin memberitahu bahawa dia sudah mempunyai seorang isteri. Begitulah juga dengan pihak perempuan yang ingin memberitahu bahawa dia sudah mempunyai seorang suami.

Si Ibu dan ayah pula akan sibuk untuk melayan tetamu yang hadir. Ramai tetamu yang hadir akan mengucapkan tahniah kerana mendapat seorang lagi ahli keluarga baru. Ketika tetamu hadir, itulah kata-kata yang mereka ucapkan. Tambahan lagi apabila mengenangkan nenek sebelah ibuku sudab pun tiada. Mengalir air mata ibuku apabila dia menepung tawar makcikku. Tidak kurang juga dengan makcik ku sendiri. Sama-sama mengalirkan air mata.

Samad mendengar pengalaman yang aku ceritakan dengan penuh khusyuk. Aku sekadar menceritakan apa yang aku lalui dalam ketika umur aku ketika itu masih muda lagi. Aku dapat merasakan bahawa dia dapat melalui pengalaman pertamanya ini dengan penuh keyakinan dan lebih matang. Remaja yang hampir menjangkau usia dua puluh tahun bukanlah tahap remaja yang berfikiran kanak-kanak tagi. Apatah lagi dia merupakan anak ketiga dalam keluarganya. Jika dia tidak membantu abangnya, siapa lagi yang akan membantu. Itulah yang menguatkan azam dan semangatnya.

### **SEGALANYA CABARAN**

Samad juga merupakan seorang pelajar di salah sebuah pusat pengajian tinggi. Dia dan aku belajar di pusat pengajian yang sama. Hanya berlainan kursus. Namun, subjek yang sedang diambilnya sekarang memerlukan perhatian dan juga penekanan yang utama. Tambahan lagi ini merupakan semester yang terakhir sebelum dia menyambung pelajaran ke peringkat ijazah. Dalam keadaan dia sibuk dengan assignment, dia tetap juga meluangkan masa untuk menguruskan perkahwinan abangnya. Adik tidak akan lupa kepada abang walaupun seribu dugaan yang melanda.

Pernah juga suatu ketika dia akan menghadapi ujian, dia terpaksa balik untuk menyelesaikan masalah persiapan perkahwinan abangnya. Dia bertawakal sepenuhnya kepada Allah Taala untuk membantunya dalam ujian itu. Dia membuat persiapan ala kadar sahaja untuk mengiladi ujian pada ketika itu. Dia tidak banyak menghafal seperti kawannya yang lain. Dia banyak menghabiskan masa untuk membantu keluarganya. Tambahan lagi dia hanya mempunyai seorang abang sahaja. Jika bukan dia siapa lagi?

Ujian yang dihadapinya, dijawab dengan penuh ketenangan. Perasaan gentar ditolaknya ke tepi. Apa yang penting bagi dirinya ialah untuk menjawab soalan dengan penuh keyakinan dan juga berdasarkan kepada apa yang telah dia ketahui. Konsep tawakal kepada Allah Taala dilaksanakannya. Dia berda agar soalan yang diajukan kepadanya adalah soalan yang telah dihafalnya. Semuanya diserahkan kepada Yang Maha Kuasa untuk membantu dirinya. Aku kagum dengan keadaan dirinya yang mampu untuk membahagikan tenaga antara perkara yang wajib dengan perkara yang lebih wajib.

### **SILATURRAHIM TERJALIN**

Bukan sahaja silaturrahim antara keluarga pengantin perempuan dan pengantin lelaki yang terjalin bahkan silaturrahim antara orang ramai yang hadir juga akan kembali menjadi satu ikatan yang kuat dan mantap. Mungkin mereka sudah lama tidak berjumpa dan juga bertanya khabar, jadi mailis seumpama inilah yang akan menyatukan dan juga mengeratkan lagi persaudaraan umat Islam. Samad sendiri menceritakan bagaimana dia tidak pernah berbual dengan orang yang lebih tua daripadanya di kampungnya sendiri tetapi disebabkan majlis kahwin abangnya, dia terpaksa berbual dan juga beramah mesra dengan orang tua di kawasan tempat tinggalnya. Secara tidak langsung dia dapat mengenali orang yang tidak pernah dikenalnya selama ini.

Dia pernah terserempak namun sekadar hanya melemparkan senyuman dan juga memberikan salam. Tidak siapa yang tahu siapa namanya dan juga di mana dia belajar. Setelah dia beramah mesra dengan orang di kampungnya, barulah mereka tahu bahawa Samad adalah salah seorang mahasiswa di salah sebuah Institut Pengajian Tinggi dalam jurusan Ilmu Wahyu. Begitulah juga sebaliknya apabila dia sendiri dapat mengenal siapa ketua kampung di tempatnya dan juga orang-orang yang penting di kampungnya. Ini semua hasil daripada kenduri kahwin yang memaksa dia untuk berbincang dan juga bermesyuarat dengan orang-orang penting kampungnya. Itulah hikmah di sebalik kejadian yang berlaku. Di sebalik kesusahan pasti ada kesenangan dan di sebalik kesenangan, pasti ada rahmat. Nikmat yang Allah Taala kurniakan kepada hambanya sekalian alam.

### **MUHASABAH DIRI**

Peluang inilah juga digunakan Samad untuk memuhasabah diri. Dia tidak menceritakannya kepadaku namun dari riak wajahnya dan juga cara percakapannya dapat aku merasakan bahawa dia begitu risau tentang dirinya sekiranya dia tidak dapat menjalankan tanggungjawabnya sebagai anak dan juga adik dengan baik. Dia tidak mahu orang lain merasa susah kerana dirinya sendiri. Apa yang dia mahukan hanyalah dirinya mampu untuk memberi manfaat kepada orang lain. Doa, sembahyang hajat serta bermunajat kepada Allah tidak pernah dilupakan. Hakikatnya, dia menyerahkannya kepada Allah Taala, tuhan semesta alam.

1	2	3	4	5	6		7	8	9	10	11
12							13				
14				15					16		
17			18						19		
20					21	22	23	24			
25		26			27				28		29
		30		31		32				33	
		34			35			36			
	37			38		39	40				
41				42					43		
44				45							

**OKTOBER 2004**

Nama: .....

No. Kad Pengenalan: .....

Alamat: .....

.....

.....

Sekolah/Pekerjaan:.....

Umur: ..... Tel: .....

**MELINTANG**

1. Kain putih
7. Jelas dan terang
12. Perihal keadaan atau gerakan
13. Kawasan subur yang mempunyai air di bawah pasir
13. kamu, awak
14. Dia (lelaki)
15. Tidak terikat
16. Ayah (Arab)
17. Sejenis balai yang tidak berdinding dan digunakan untuk upacara tertentu
19. Pondok yang dibua di atas pokok
20. Kata sendi nama yang menunjukkan tempat
21. Makan (kanak-kanak)
25. Kaki langit
27. Menghulurkan tangan untuk mencapai/memegang sesuatu
30. Sebatang sungai
32. Menyerah
34. Salah satu suku kaum di Sarawak
36. Sejenis makanan yang dibuat daripada tepung gandum
37. Universiti Malaya
38. Sejenis kain yang nipis dan jarang
41. Pangsa (durian atau limau)
42. Sudah selesai/ berakhir/ bubar
43. Nama nabi
44. Air yang dibekukan
45. Tidak betul, kesalahan cetakan (tulisan), kesal

**MENEGAK**

1. Berani, gagah perkasa
2. Bukan seseorang yang sukar difahami
3. Berasa hendak muntah, meloya atau sangat benci
4. Tambahan di akhir ayat
5. Caung, cawak
6. Pundi-pundi kecil atau karung
7. Angka kosong atau sifar
8. Kata untuk mengatakan benar (setuju)
9. Waktu solat
10. Memukul / menghentam
11. Masin
18. Tempat menyimpan naskhah-naskhah, rekod-rekod umum negara
22. Orang yang membuka Kuala Lumpur
23. Menunjukkan pertanyaan
24. Irama atau rentak lagu
26. Universiti Malaysia Sarawak
28. Keadaan atau kejadian menunjukkan pertentangan atau kesan sebaliknya
29. Salah, keliru, silap
31. Tidak terang penglihatan, kabur
33. Di (Inggeris)
35. Tanah air
37. Tembuni
39. Sejenis selendang (pembalut leher)
40. Nama perempuan

**Syarat-syarat**

1. Penyertaan adalah terbuka kepada pembaca berusia antara 15-25 tahun.
2. Penyertaan hendaklah sampai kepada Pengarang sebelum keluaran akan datang.
3. Hadiah ditawarkan kepada 3 orang peserta yang dapat memberi jawapan yang betul.
4. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan undian/cabutan bertuah.
5. Borang penyertaan boleh difotostat.

**Hadiah**

Setiap pemenang akan menerima langganan percuma selama tiga bulan majalah ANIS terbitan Galeri Ilmu Sdn Bhd.

Alamatkan penyertaan anda kepada:  
 Peraduan TeKa Silang Kata CAHAYA OKTOBER 2004  
 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Aras 4, Block D9, Parcel D,  
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
 62519 PUTRAJAYA.  
 (u.p. Bhg. Penerbitan)



## A <sup>n</sup> Benih Putih<sup>a</sup>

Kalau kau benih putih terdampar ke laut menjadi pulau hijau.

Kalau kau benih putih tidak akan hitam disepuh legam.

Kalau kau benih putih dari pohon terbaik berakhlak berbudi cantik.

Kalau kau benih putih terdampar di pasir tandus terucap di bibir kudus.

Kalau kau benih putih dalam kotoran tidakkan bertindih.

Kalau kau benih putih berkulit hitam berhati mulia pengasih.


Kalau kau benih putih menurut kata berbahasa terpilih.

Kalau kau benih putih tergolong dalam orang-orang yang soleh.

-Ami Masra <sup>a</sup>



# Ahmad & Rakan-Rakan



Buku ini sesuai untuk bacaan kanak-kanak, ia menekankan pembinaan akhlak dan rohani mereka kearah mewujudkan ketaqwaan kepada Allah. Terhimpun dalam 11 siri yang mengandungi tajuk-tajuk tentang kebesaran Allah, puasa, ibadah, haji dan lain-lain.

*Penulis: Siti Zarina bt.*

*Samingon*

*Jumlah Halaman: 18*

*Harga: RM1.50 @ RM 13.50*

*(satu set: 11 siri)*

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

